

Dasar pembiayaan biasiswa JPA dikaji semula

KUALA LUMPUR 1 Jun - Kerajaan akan mengkaji semula dasar pembiayaan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang bakal dilaksanakan tahun depan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, kajian tersebut akan dijalankan secara menyeluruh termasuk membabitkan kuota pemberian biasiswa yang sebelum ini terhad kepada 1,500 pelajar cemerlang. Menurut beliau, rasional kerajaan untuk menjalankan kajian berkenaan adalah bagi mengelak pelbagai kekeliruan dan jangkaan berhubung pembiayaan tersebut pada masa depan. "Kalau menyebut soal jangkaan, kita lihat jumlah pelajar cemerlang semakin bertambah. Kemampuan kerajaan untuk menampung pembiayaan biasiswa turut menjadi antara faktor mengapa dasar itu perlu dikaji semula," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di bangunan Parlimen hari ini.

Mengulas lanjut beliau berkata, isi kandungan berkaitan dasar baru itu akan diumumkan secepat mungkin bagi membolehkan pelajar memperoleh maklumat mengenainya lebih awal. Dalam perkembangan lain Mohamed Nazri menjelaskan, beliau telah diberi tanggungjawab oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk mempengerusikan mesyuarat bagi menyenaraikan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperoleh 8A+ ke bawah untuk diberi penajaan pengajian di bawah 1Malaysia Development Bhd. (1MDB). "Mesyuarat akan diadakan Isnin ini membabitkan menteri-menteri yang mewakili parti komponen (Barisan Nasional) termasuk Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Timbalan Presiden MIC, Datuk Dr. S. Subramaniam serta Presiden Gerakan, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon. "Mesyuarat itu akan menyenaraikan nama-nama pelajar yang tidak termasuk dalam kategori 9A+ dan 8A+ untuk kita taja menerusi 1MDB. Justeru, setiap menteri bagi parti komponen telah dimaklumkan untuk menyediakan senarai nama mereka. "1MDB sedia tawar tempat sekurang-kurangnya kepada 500 pelajar. Tahun lepas 1MDB telah menaja 360 pelajar dan tahun ini kita boleh taja lebih ramai lagi," jelasnya.

TUDM miliki helikopter, sistem baru tangkis ancaman luar

ISTIADAT perbarisan sempena Hari Ulang Tahun Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Ke-53 di Pangkalan Udara Butterworth, semalam.

BUTTERWORTH 1 Jun — Mulai tahun depan, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) akan memiliki helikopter, sistem persenjataan dan radar pertahanan udara baru bagi memantapkan peranannya sebagai peneraju unggul menangkis sebarang ancaman luar terhadap negara. Panglima Tentera Udara (TUDM) Jeneral Tan Sri Rodzali Daud berkata, TUDM juga akan menggunakan perkhidmatan helikopter EC 725 mulai 2013 bagi meningkatkan keupayaan tugas-tugas mencari dan menyelamatkan.

Seterusnya, mulai tahun 2012 hingga 2014, sistem persenjataan dan radar pertahanan udara merupakan aset baru akan diperoleh bagi meningkatkan lagi keupayaan pesawat canggih TUDM dalam operasi pertahanan dan pertempuran di udara. Perolehan pesawat pengangkut Airbus A400M pula dijadual diterima mulai 2015, kata Rodzali dalam ucapannya sempena sambutan Hari Ulang Tahun TUDM ke-53 di Pangkalan Udara TUDM Butterworth di sini hari ini. Memandangkan perolehan aset-aset baru adalah bercirikan teknologi digital dan terkini, beliau berkata setiap warga TUDM hendaklah bersedia meningkatkan kualiti pengetahuan dan kemahiran ke tahap tinggi supaya aset-aset baru dapat dikendali dan disenggara dengan sempurna tanpa pergantungan kepada pihak luar. Bagi menghadapi cabaran keselamatan dan pertahanan negara, beliau berkata TUDM akan sentiasa peka dengan isu-isu keselamatan di peringkat serantau seperti permasalahan tuntutan bertindih sempadan.

"Isu lain yang perlu diambil kira adalah persaingan kuasa ekonomi di Laut China Selatan, aktiviti pencerobohan kawasan maritim dan ruang angkasa," katanya. Sambutan hari ulang tahun TUDM kali ini bertema 'The People: Engaging The Talent' yang berlandaskan visi strategik TUDM 'Air Force Next Generation'. "Tema ini diketengahkan selaras dengan usaha TUDM menarik minat para belia menyertai TUDM bagi mencapai matlamat TUDM membentuk warga pasukan masa depan yang berwibawa dan berkualiti," kata Rodzali. Perbarisan disaksikan seramai 200 anggota Palapes TUDM dari Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Mara (UiTM Shah Alam), UiTM Kota Samarahan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS KAL) dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) serta 200 pelajar sekolah sekitar Butterworth. Istiadat perbarisan oleh 12 pegawai dan 196 anggota lain-lain pangkat kali ini berbeza dengan perbarisan sebelum ini kerana ia julung-julung kali diadakan di Pangkalan Udara Butterworth dan melibatkan penggunaan senjata M4.



4 Jun 2011 (Sabtu)

Tambahan RM46 juta naik taraf jeti nelayan

BUTTERWORTH 4 Jun — Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM46 juta untuk menaik taraf jeti nelayan di seluruh negara. Menterinya, Datuk Seri Noh Omar berkata, usaha menaik taraf jeti nelayan bertujuan memberi nilai tambah kepada aktiviti ekonomi nelayan selain meningkatkan taraf hidup golongan itu sejajar hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mahu rakyat berpendapatan tinggi menjelang 2020. "Tahun lepas sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan dan RM46 juta merupakan peruntukan tambahan bagi tujuan menaik taraf jeti. Selain untuk pendaratan ikan, jeti yang telah dinaik taraf itu juga boleh berperanan untuk pengembangan ekonomi nelayan. "Contohnya mendirikan restoran untuk tujuan agropelancongan yang dijalankan dengan kerjasama Kementerian Pelancongan atau perusahaan kecil seperti membuat bebola ikan dan produk-produk asas tani yang lain yang bersumberkan ikan atau makanan laut," katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat jeti nelayan Ujung Batu di Bagan Dalam di sini hari ini.

Masa depan UDA terancam – Nur Jazlan

TIBA-TIBA sahaja UDA Holdings Bhd. atau lebih dikenali sebagai UDA, sebuah agensi kerajaan yang ditubuhkan untuk memainkan peranan meningkatkan kepentingan bumiputera di kawasan bandar menjadi tumpuan ramai. Biarpun banyak yang dipersoalkan tentang peranan dan kejayaannya sebelum ini tetapi ia gagal sampai kemuncaknya sehinggalah timbul isu projek Bukit Bintang City Centre (BBCC) di tapak bekas Penjara Pudu Kuala Lumpur yang cukup bersejarah. Untuk menyingkap persoalan sebenar UDA, wartawan Utusan Malaysia, NORAINI ABDUL RAZAK dan AINUL ASNIERA AHSAN menemubual Pengerusi UDA, DATUK NUR JAZLAN MOHAMED tentang kelangsungan hidup UDA dan sejauh mana peranan yang mampu dimainkannya selepas ditukarkan daripada sebuah perbadanan kepada sebuah syarikat di bawah nama penswastaan. Menurut Nur Jazlan, projek BBCC adalah penentu kepada nasib entiti itu bagi tempoh jangka panjang ketika berdepan dengan keadaan kewangan yang terus genting. “Apa yang dibuat ini adalah memberikan keutamaan kepada kepentingan UDA terlebih dahulu kerana UDA kena mempunyai kelangsungan hidup untuk membantu dan memajukan bumiputera,” kata beliau sambil menyatakan UDA kini bergerak sendiri dan bersaing tanpa bantuan kerajaan selepas bukan lagi menjadi agensi kerajaan. Tidak mampu menjaga diri sendiri, bagaimana pula mahu membantu bumiputera.

UTUSAN: Bagaimana Datuk melihat projek Bukit Bintang City Centre?

DATUK NUR JAZLAN: BBCC adalah projek untuk kepentingan UDA pada jangka panjang. Apa yang dibuat ini adalah memberikan keutamaan kepada kepentingan UDA terlebih dahulu kerana UDA kena mempunyai kelangsungan hidup untuk membantu dan memajukan bumiputera. Kalau UDA sendiri tidak berkeupayaan, macam mana hendak membantunya (bumiputera). Takkanlah hanya kerana kepentingan seorang bumiputera yang bekerjasama dengan sebuah syarikat bukan bumiputera, bumiputera itu perlu diberikan keutamaan melebihi kontraktor bumiputera kecil lain, 1,400 orang kakitangan, beratus-ratus pembekal UDA, subkontraktor UDA.

Apakah komen Datuk berhubung dakwaan UDA tidak melaksanakan agenda bumiputera?

Pendapatan UDA pada tahun lalu adalah sebanyak RM488 juta. Daripada jumlah ini, 70 peratus adalah diberikan kepada kontraktor bumiputera. Sejak 1996 hingga 2010, sejumlah RM1.4 bilion kontrak diberikan kepada bumiputera. Jadi, dakwaan kata UDA tidak memberi kontrak adalah tidak betul. Ingin saya nyatakan di sini, usaha yang dilakukan untuk membantu bumiputera adalah membabitkan kos. Dulu, UDA adalah agensi kerajaan, jadi kita diberi geran untuk membeli tanah dan kos mengurus, malah tanah juga dibeli dengan murah. Tetapi sejak UDA diswastakan kira-kira 15 tahun lalu, semua keistimewaan yang dinikmati itu sudah tiada lagi. Dulu, kami dapat RM200 juta, RM300 juta daripada kerajaan, jadi boleh kami belanja terus kepada (usahawan) bumiputera. Sekarang kami tidak diberikan geran lagi dan terpaksa pula mempelbagaikan modal yang diberikan kerajaan kira-kira 20 tahun lalu untuk mendapatkan dana, lepas itu simpan sebahagian untuk kos pentadbiran dan modal tabungan baharu sebelum bakinya diperuntukkan untuk agenda lain-lain termasuk membantu bumiputera.

Jadi Datuk cuba menyatakan bahawa UDA kini berdepan dengan kekangan kewangan?

Seperti yang saya beritahu, perolehan UDA yang direkodkan pada 31 Disember 2010 adalah RM488 juta dan kos kendaliannya pula adalah RM364 juta, kira-kira 75 peratus daripada perolehan. Baki yang kami ada sebanyak 25 peratus, digunakan untuk membeli tanah dan agenda bumiputera serta tabungan masa depan. Sejak 10 tahun lalu, perolehan UDA adalah sekitar RM400 juta, sekali pernah mencecah RM500 juta, beberapa tahun berada dalam lingkungan RM300 juta sahaja. Semakin hari, bank tanah kita semakin susut kerana dimajukan tetapi perolehan tidak meningkat kerana kos semakin bertambah. UDA tidak pernah beli tanah sejak 1996 kecuali tanah yang kecil-kecil kerana tidak mempunyai cukup duit. Duit yang ada itulah digunakan untuk membayar gaji pekerja dan melaksanakan tanggungjawab sosial UDA. Jumlah bank tanah UDA sekarang hanya 382.8 hektar dan tidak semuanya berdaya maju. Kami kini hidup pada jumlah tanah yang ada, makin lama makin teruk keadaan UDA.

Bagaimana Datuk melihat masa depan UDA?

Sebenarnya masa depan UDA terancam kerana tiada tanah baharu untuk dibangunkan. Saya pernah minta Kementerian Kewangan memberikan UDA tanah semula tetapi gagal kerana dasar kerajaan adalah mendapatkan perolehan maksimum daripada tanah. Lagipun, UDA kini adalah sebuah syarikat dan bukan lagi perbadanan, sukar untuk kerajaan berikan tanah. Aliran tunai UDA sekarang pun tidak banyak daripada RM134 juta (1 Januari 2009) kepada RM125 (31 Disember 2009) dan RM123 (31 Disember 2010). Jumlah hari ini adalah lebih rendah kepada RM90 juta. Sedikit demi sedikit berlaku penyusutan. Sekarang pun UDA sudah tidak mampu menjaga diri sendiri, bagaimana pula untuk menjaga bumiputera kerana membantu mereka pun ada kosnya. Siapa hendak bayar kos ini? Inilah bezanya UDA dulu dan sekarang. Pandangan rakyat terhadap UDA juga tidak berubah kerana masih beranggapan UDA sebuah perbadanan atau agensi kerajaan sedangkan ia telah diswastakan sejak 15 tahun lepas.

Kenapa projek BBCC jadi tumpuan UDA ketika kewangan kritikal?

Sejak memasuki UDA setahun lalu, saya lihat keadaan UDA sebenarnya genting. Tapi, saya percaya UDA masih boleh diperbetulkan tetapi siapa hendak bantu UDA? Jadi kita kena cari jalan lain untuk memajukan tanah yang ada untuk memberi pulangan maksimum seperti projek BBCC. Sebab itu (dalam membangunkan) BBCC, UDA mencari pelabur utama (turnkey investor) yang bermakna pelabur berminat, mesti datang kepada UDA dengan duitnya sendiri. Pelabur utama atau kontraktor itu perlu menanggung semua, kalau ia hendak membuat pinjaman, dia kena tanggung sendiri. UDA juga mengenakan syarat bahawa pembangunan melibatkan bangunan milik UDA perlu didahulukan. Syarat ini penting kerana mahu mengelakkan berlaku lebihan ruang pejabat pada beberapa tahun akan datang. Kalau bangunan milik UDA lambat siap ia boleh memberi tekanan kepada UDA. BBCC adalah projek di bawah Program Transformasi Ekonomi dan projek ini tidak boleh gagal. Kalau hendak mengharap UDA memang tidak berduit, kalau ada (duit) sudah lama kita bangunkan sendiri. Jadi kami kena mencari rakan kerjasama, pelabur/kontraktor diminta membangunkan aset UDA dengan segera supaya aset ini boleh memberi pulangan kepada kami. Nilai pembangunan kasar aset UDA yang bakal dibangunkan bernilai RM600 juta.

Kilang borong diesel diserbu penguat kuasa

SHAH ALAM 9 Jun – Kegiatan menjual diesel subsidi pada harga industri oleh sebuah kilang pemborong diesel terbongkar apabila 40,000 liter bahan api itu yang bernilai RM108,000 ditemui disembunyikan dalam tiga buah tangki minyak di kilang itu di Bukit Kemuning di sini. Kesemua tangki minyak itu diletak sebaris dengan hampir 10 tangki minyak industri bagi mengelirukan lima pegawai penguat kuasa Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PPDNKK) Shah Alam yang membuat serbuan dan pemeriksaan pada pukul 2.30 petang ini. Ketua Penguat Kuasa PPDNKK Selangor, Othman Nawang berkata, pihaknya membuat intipan di kilang tersebut sejak seminggu lalu tetapi agak sukar untuk mendapatkan bukti. Bagaimanapun, kata beliau, hasil serbuan hari ini berjaya mengesan kedudukan minyak diesel subsidi tersebut selepas ujian penanda nano (nano tag) dilakukan. "Pengusaha kilang ini meletakkan tangki berisi diesel subsidi bersama tangki-tangki minyak lain kerana menganggap kita tidak akan menemuinya. "Bagaimanapun, hasil ujian di tangki bahagian belakang akhirnya menemui minyak diesel subsidi itu," kata beliau kepada pemberita selepas mengetuai operasi itu hari ini. Othman berkata, siasatan awal pihaknya mendapati, kilang tersebut beroperasi sejak dua setengah tahun lalu dan menjual minyak diesel subsidi berharga RM1.80 seliter pada harga industri iaitu antara RM2.50 hingga RM2.70 seliter di kawasan berdekatan. "Kes ini disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 sebelum tindakan selanjutnya diambil ke atas pemilik kilang itu," kata beliau.

UKAS tarik RM40b

PUTRAJAYA 9 Jun - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) setakat ini telah berjaya menarik pelaburan domestik dan asing bernilai RM40 bilion. Beliau berkata, dana mudah cara yang diwujudkan untuk membantu membiayai projek sektor swasta telah membuahkan hasil yang amat baik menggalakkan mereka melabur dalam projek-projek besar. "Sebelum ini, pihak swasta enggan melabur dalam sesetengah projek itu selepas mengambil kira faktor aliran tunai dan nisbah keuntungan, keadaan ini menyebabkan kerajaan terpaksa melaksanakan banyak projek yang sepatutnya dilakukan oleh sektor swasta. "Kini, kerajaan akan membantu sektor swasta melaksanakan projek-projek besar ini seperti membantu menyediakan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, ini akan membantu sektor swasta, seterusnya menggalakkan mereka membuat pelaburan. "Pelaburan ke atas projek-projek besar yang melibatkan berbilion ringgit amat penting dan memberikan kesan positif kepada ekonomi," katanya dalam taklimat media setahun selepas pelancaran RMK-10 di Unit Perancang Ekonomi (EPU) di sini. UKAS sebelum ini ditubuhkan sebagai Seksyen Penswastaan dan Inisiatif Pembiayaan Swasta di bawah EPU, sebagai entiti berasingan pada 2009 dan bertanggungjawab menyelaras program kerjasama awam swasta. Nor Mohamed berkata, antara projek yang diluluskan kerajaan ialah pembangunan Universiti Perdana dengan kerjasama Sekolah Perubatan Universiti John Hopkins dan Kolej Pembedahan Diraja Ireland bernilai RM2 bilion. Beliau berkata, antara projek perkongsian awam swasta yang berada di pelbagai peringkat rundingan termasuk projek Lebuhraya Pantai Barat yang bernilai RM7.68 bilion dan pembinaan Hospital Pengajar Universiti Islam Antarabangsa, Kuantan bernilai RM400 juta.

Diesel subsidi di lebuh raya

SEREMBAN 9 Jun - Dulu di laut, kini jual beli subsidi diesel semakin bertapak di lebuh raya dan mereka pula seperti kebal undang-undang tanpa rasa gentar dengan pihak berkuasa. Hari ini serbuan dibuat, esok kumpulan yang sama akan meneruskan semula operasi itu. Ini berikutan pulangnya begitu lumayan dengan kumpulan (empat hingga lima orang) penjual diesel subsidi dikatakan mampu meraih RM1,500 sehari atau RM45,000 sebulan. Kumpulan penjual subsidi haram ini hanya perlu menunggu di kawasan rehat dan rawat (R&R) untuk membeli diesel subsidi daripada pemandu lori dan kemudiannya menjual kepada pihak industri. Mereka dikatakan mampu mengumpul hingga 150 tong plastik (jerry can) atau 15 tong besar iaitu kira-kira 3,000 liter diesel dengan harga pasaran RM300 satu tong. Siasatan unit khas *Utusan Malaysia* selama tiga hari berturut-turut di kawasan *hot spot* mereka di R&R Seremban di kedua-dua arah Lebuh Raya Utara Selatan baru-baru ini mendapati, ada di antara anggota kumpulan itu yang sudah dua kali ditahan pihak berkuasa dalam tempoh kurang dua bulan, namun tetap meneruskan aktiviti tersebut.

Malah jual beli diesel subsidi itu dilakukan secara terang-terangan di tempat terbuka. Salah seorang anggota kumpulan tersebut semasa ditemui mengakui, bayaran lumayan adalah punca mengapa mereka sanggup menghadapi apa juga halangan termasuk membelakangkan undang-undang. Mereka akan membeli diesel daripada pemandu lori dengan harga RM20 bagi setiap tong plastik 20 liter. Kemudian bahan kawalan tersebut dipindahkan ke dalam tong besar 200 liter dan disorokkan di ladang kelapa sawit berhampiran sebelum menjualnya kepada pemilik industri dengan harga RM300 satu tong. Dengan harga pasaran gelap tersebut, pihak industri boleh menjimatkan RM260 bagi setiap tong besar yang dibeli berbanding harga sebenar pasaran iaitu RM560 setong (RM2.80 seliter). Kegiatan 'menyamun' di siang hari ini bukan saja merugikan syarikat-syarikat pengangkutan apabila pemandu menipu mereka tetapi juga sasaran subsidi kerajaan tidak akan sampai kepada pengguna sebenar.

Setiap hari rampas diesel haram**Polis Bantuan Plus Expressways Bhd. merampas beberapa tong berisi diesel subsidi di R&R Seremban, baru-baru ini**

KUALA LUMPUR 9 Jun – Dalam tempoh tidak sampai lima bulan, sebanyak 198 kes diesel haram telah disita oleh pihak berkuasa di seluruh negara. Nilai sitaan keseluruhan yang berjaya dilakukan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sejak 1 Januari hingga 20 Mei lalu itu ialah

RM1.3 juta. Ini bermakna secara purata, rampasan barangan kawalan itu telah dilakukan setiap hari. Malangnya kes menjual diesel haram terus berleluasa. Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Mohd. Zain Mohd. Dom berkata, ketirisan ini bukan saja berlaku di dalam negara malah melibatkan pengaliran keluar barang kawalan tersebut ke negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Singapura.

“Ketirisan ini berlaku apabila perbezaan antara harga diesel subsidi dan harga di pasaran yang ketara sejak 2007 hingga sekarang. “Sepanjang tempoh itu pula, sebanyak 1,549 kes telah dikesan, ia melibatkan jumlah sitaan lebih 7.6 juta liter minyak diesel bernilai lebih RM13 juta,” katanya ketika dihubungi baru-baru ini. Jelas Mohd. Zain, antara punca yang dikesan mendorong kegiatan haram ini ialah ingin cepat mengaut keuntungan serta sikap masyarakat yang tidak mengendahkan gejala tersebut. “Penyelewengan ini sebenarnya berlaku di sekeliling masyarakat setempat. Namun, disebabkan kesedaran berhubung gejala ini masih rendah, maka mereka mengambil sikap buat-buat tidak tahu sahaja,” katanya. Mengulas penglibatan `orang dalam` berkaitan isu ini, beliau menjelaskan, penyelewengan boleh dilakukan oleh sesiapa saja yang tamak. “Isu penglibatan orang dalam atau sebaliknya dalam hal ini tidak timbul. Cuma, mana-mana pihak yang diamanahkan haruslah lebih bertanggungjawab mengendalikan amanah yang diberikan,” katanya.



10 Jun 2011 (Jumaat)

Hormati dan sanjungi laut kita

Oleh Mohd Hazli Hassan

Mungkin tidak ramai yang sedar Rabu lepas, 8 Jun merupakan Hari Laut Sedunia. Jadi apa signifikan hari berkenaan di Malaysia. Mungkin ramai yang tidak ambil peduli. Malah, saya percaya, abang-abang dan pakcik-pakcik nelayan juga tak ambil tahu mengenai Hari Laut Sedunia ini. Ye lah, pada mereka, selagi ada rezeki, selagi itulah mereka akan membanting tulang mengaut apa saja yang ada demi sesuap nasi. Namun perasan atau tidak, sumber laut kita semakin berkurangan saban hari. Bagi yang menetap di bandar, pastinya mereka langsung tidak akan ambil pusing mengenai hal berkenaan. Namun bagi nelayan, ia satu perkara yang amat merunsingkan kerana itulah sumber pencarian mereka dalam memberi keluarga makan dan menyekolahkan anak-anak mereka. Bayangkan jika mereka keluar ke laut, pada awal pagi sebelum Subuh, dan pulang semula ke darat menjelang Maghrib namun tidak memperoleh hasil yang munasabah. Dalam erti kata lain, pendapatan hari tu cukup untuk membeli beras sahaja. Bayaran bot dan awak-awak tidak dapat dilunaskan. Apatah lagi untuk menabung. Anak-anak di universiti sudah mula menelefon mahukan duit untuk membeli buku dan belanja. Apa usaha si ayah kalau hampir seminggu turun ke laut, hasilnya sama. Tidak lebih malah berkurangan. Itulah sebab kita kena menghormati laut. Walaupun bukan hak kita secara khusus, kita kena jaga dan amalkan untuk tidak mencemarkannya jika berada di laut. Saya pernah satu ketika dahulu menyertai pertandingan memancing di Kepulauan Spartly, di Lucornia utara. Perjalanan ke sana sahaja sudah mengambil masa 24 jam. Penganjur ketika itu turut mengeluarkan arahan agar semua sampah dibawa balik ke Labuan dan jika ada mana-mana bot ditangkap membuang sampah ke laut, penyertaan mereka akan ditolak. Jadi dari hari pertama hingga balik, 10 plastik sampah dapat kami kumpul dan memesan kepada krew bot untuk membuang sampah itu di Labuan. Namun tidak sampai 15 minit kata-kata itu diucapkan, tiba-tiba kami nampak lebih kurang dua ke tiga plastik sampah terapung-apung di permukaan laut kira-kira sejam perjalanan lagi nak sampai ke Labuan. Rupa-rupanya, krew bot kami mengambil jalan mudah membuang sampah itu ke laut kerana tidak mahu menyusahkan diri nak bawak 10 beg plastik ke darat. Bayangkan jika mereka yang sering ke laut melakukan perkara itu, apa terjadi bagi mereka yang sesekali berada di laut? Itu belum lagi perusahaan pinggir sungai dan berdekatan pantai menyalurkan kumbahan yang tidak dirawat terus ke laut. Tidak lagi dikira resort-resort di pulau-pulau peranginan yang memasang saluran kumbahan dan longkang buangan terus ke dalam laut. Bayangkan jika ini tidak dikawal dan laut semakin tercemar, apakah nelayan-nelayan kita tadi akan terus dapat menikmati hasil tangkapan yang memberangsangkan?

Kompleks sukan RM8 j terbiar

KOMPLEKS Sukan Mini Muadzam Shah yang semakin terbiar setelah mengalami banyak kerosakan

KOMPLEKS Sukan Mini Muadzam Shah yang siap dibina sembilan tahun lalu kini semakin terbiar berikutan bangunan yang menyediakan pelbagai jenis kemudahan sukan itu dirosakkan oleh pihak tidak bertanggungjawab. Kompleks bernilai kira-kira RM8 juta itu memerlukan perhatian serius

semua pihak kerana ia bertujuan memberi keselesaan ruang riadah kepada penduduk setempat. Kebanyakan pengunjung yang datang ke kompleks itu meluahkan rasa kecewa kerana kemudahan sukan di situ tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat. Projek itu tidak seharusnya dijadikan sebagai tempat vandalisme oleh pihak tidak bertanggungjawab kerana kemudahan asas seumpama itu menelan belanja jutaan ringgit. Semua pihak termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) seharusnya memikirkan cara terbaik dalam memelihara kemudahan sukan itu di tahap terbaik dan setanding dengan dunia luar. Saya sebagai pengunjung tetap di situ terkilan apabila permukaan gelanggang balapan semakin teruk dan tidak rata. Keadaan tersebut boleh mengakibatkan kecederaan sekiranya pengunjung melakukan aktiviti larian atau senaman di atas trek yang tidak rata.

Bagaimana kami mahu melakukan pelbagai aktiviti sukan sedangkan kemudahan sedia ada tidak dinaik taraf ke tahap lebih baik dan memuaskan untuk kemudahan rakyat. Selain itu, terdapat beberapa kerosakan di kompleks itu seperti perbuatan memecahkan cermin tingkap dan pintu oleh pihak tidak bertanggungjawab. Perbuatan sedemikian menunjukkan sikap individu atau kumpulan tertentu yang tidak bijak menjaga harta benda hingga tergamak merosakkan segala kemudahan sekali gus menyusahkan pengguna lain. Tingkap dan pintu kompleks yang dipecah itu dilakukan oleh mereka yang berfikir sempit tanpa memikirkan kesan jangka masa panjang terhadap perbuatan mereka. Kejadian curi besi penutup longkang juga semakin menjadi-jadi hingga mengakibatkan kesemua penutup longkang dikebas penyangak yang menyelina masuk ke kompleks terbabit. Oleh itu, pihak polis digesa lebih kerap melakukan rondaan secara berkala dalam memberkas penyangak besi supaya mereka ini dapat ditangkap seterusnya membawa mereka ke muka pengadilan. Difahamkan Pegawai Perhubungan Awam Majlis Sukan Negara (MSN), Fahmi Omar telah menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab mengurus dan menyelia Kompleks Sukan Mini Muadzam Shah kepada Majlis Daerah Rompin (MDR) sejak 2004 hingga sekarang. MOHD. SYAZWAN, Muadzam Shah.

RM2 b hutang masih tertunggak

TEMERLOH 11 Jun - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hanya berjaya mengutip RM500 juta daripada RM2.5 bilion hutang tertunggak menerusi 228,000 peminjam disenaraihitamkan sejak dua tahun lalu. Pengerusinya, Datuk Ismail Mohamed Said berkata, kutipan itu berjaya diperoleh melalui usaha menjejaki peminjam tegar dengan kerjasama Jabatan Imigresen. "Mereka dikesan selepas gagal ke luar negara apabila terpaksa jelaskan bayaran pinjaman terlebih dahulu. Kita bersedia menjadualkan semula bayaran itu jika mereka benar-benar terdesak," katanya di sini hari ini. atau menghadapi kesulitan membayarnya dengan syarat mereka datang berunding dengan kita dan bukannya mendiamkan diri sehingga mengheret mereka ke mahkamah," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program turun padang dan melawat rumah penduduk miskin, penyakit kronik di pekan Kuala Krau di sini hari ini. Ismail melahirkan rasa kesal kerana sebahagian besar daripada mereka yang tamat pengajian tidak melaporkan atau berhubung dengan PTPTN menyebabkan pihaknya terpaksa mengambil tindakan undang-undang dan menyenaraihitamkan nama mereka. "Mengikut anggaran keseluruhan, PTPTN sepatutnya dapat memungut balik pinjaman sebanyak RM5.3 bilion daripada 969,000 pelajar sejak ia ditubuhkan pada 1997. "Bagaimanapun tabung ini hanya berjaya mengutip RM2.3 bilion daripada 673,000 peminjam termasuk yang disenaraihitamkan. "Setakat ini, seramai 55,000 peminjam memohon untuk ditangguhkan bayaran balik pinjaman yang membabitkan sebanyak RM480 juta," katanya. Ismail memberitahu, PTPTN memberi pinjaman sebanyak RM38.38 bilion kepada seramai 1.73 juta pelajar di seluruh negara. Tambahnya, kerajaan akan terus memberikan pinjaman tersebut walaupun ramai yang belum melunaskannya untuk memastikan mereka yang layak ke menara gading tidak tercicir ekor masalah kewangan.

FAMA perlu giat promosi Teman

IPOH 11 Jun - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) perlu giat mempromosi Terminal Agribisnes Negara (Teman) di Gopeng berikutan terdapat rungutan peniaga yang mengalami kerugian ekoran kurang mendapat kunjungan orang ramai. Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita negeri, Datuk Hamidah Osman berkata, FAMA juga perlu bertindak tegas ke atas peniaga yang belum memindahkan operasi perniagaannya di terminal itu walaupun telah dibuka sejak Ogos tahun lalu. "Saya akan mengadakan perbincangan dengan pihak FAMA negeri dan berhubung terus dengan Pengerusi FAMA, Datuk Badruddin Amiruldin berhubung isu ini," katanya di sini hari ini kerana tidak mahu ia menjadi projek gajah putih. "Walaupun masih di peringkat percubaan, itu bukan alasannya kerana keadaan pada masa ini lebih kritikal berbanding pada permulaannya, oleh itu kita kena mencari jalan bagaimana hendak menyelesaikannya," katanya. Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan mengejut di sekitar pasar ikan dan sayur-sayuran di Teman di sini hari ini selepas menerima keluhan daripada beberapa peniaga yang menjalankan perniagaan di sana.

Tanah UDA: Mutiara Goodyear tunggu 'lampu hijau'

KUALA LUMPUR 12 Jun - Mutiara Goodyear Development Bhd. (Mutiara Goodyear) sedang menunggu kelulusan Kementerian Kewangan terhadap pembelian tanah milik Uda Holding Bhd. (UDA) seluas 1.6 hektar di sini pada harga RM215.5 juta. Pengerusi Eksekutifnya, Hamidon Abdullah berkata, pihaknya menerima surat tawaran pembelian daripada UDA dan telah meletakkan deposit sebanyak 10 peratus daripada nilai tanah tersebut. Beliau berkata, pihaknya akan melaksanakan projek pembangunan bercampur dengan nilai kasar RM1 bilion di atas tanah tersebut. Katanya, projek itu yang melibatkan bangunan pejabat dan pangsupuri dijangka dimulakan tahun depan dengan tempoh pembangunan selama lima tahun. Beliau berkata, kos pembangunan kasar projek pembangunan itu adalah sekitar RM700 juta hingga RM800 juta termasuk harga tanah. Hamidon menambah, pihaknya telah mempunyai reka bentuk bangunan sejak tahun 2003 yang perlu dipinda berikutan terdapat perubahan urbanisasi dan projek baharu di kawasan itu termasuk pembinaan stesen transit aliran massa (MRT).

Beliau berkata demikian selepas mesyuarat agung tahunan Mutiara Goodyear di sini baru-baru ini. Turut hadir Pengarah Eksekutifnya, Alex Cheang. Ketika ditanya tentang bantahan penjualan tanah itu kepada Mutiara Goodyear yang dikatakan syarikat bukan bumiputera, Hamidon berkata, urusan niaga yang berlaku antara syarikatnya dengan UDA Holdings hanya berkaitan perjanjian komersial. Katanya, tiada unsur politik atau perkauman dalam urusan niaga tersebut. Malah, Hamidon menjelaskan penyertaan bumiputera dalam syarikatnya juga amat besar. "Kira-kira 40 hingga 50 peratus pemegang saham Mutiara Goodyear adalah bumiputera. Jadi, tidak timbul isu syarikat kami adalah bukan syarikat Melayu atau tidak," katanya. Sementara itu, Cheang berkata, pihaknya masih mempunyai tempoh tiga bulan lagi untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham syarikat. Beliau berkata: "Usaha mendapatkan kelulusan itu adalah prosedur biasa yang perlu dilalui oleh mana-mana syarikat. Kami juga tidak dapat meneka bila Kementerian Kewangan akan memberi kelulusan itu."

Subsidi super diesel dimansuh demi nelayan pantai

KUALA LUMPUR 14 Jun – Langkah kerajaan memansuhkan pemberian subsidi super diesel kepada nelayan laut dalam adalah bagi mengimbangi kepentingan dan keadilan untuk nelayan pantai yang merupakan golongan yang wajar mendapat bantuan. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar berkata, walaupun kerajaan telah memansuhkan subsidi super diesel kepada nelayan laut dalam, mereka masih menikmati pelbagai insentif dan galakan yang lebih baik berbanding nelayan pantai. Antaranya termasuk kemudahan 34 kompleks pendaratan ikan bagi nelayan laut dalam yang bernilai RM3.4 bilion berbanding RM50 juta untuk 240 buah kompleks pendaratan ikan bagi nelayan pantai. "Kemudian kuota minyak. Untuk nelayan laut dalam kita bagi 24,000 hingga 28,000 liter sebulan. Tapi nelayan pantai antara 2,000 hingga 15,000 liter sahaja sebulan. "Kita tengok pula insentif yang kita bagi nelayan laut dalam, walaupun kita mansuhkan subsidi, kita tambah insentif pendaratan ikan dari RM0.10 per kg kepada RM0.20 per kg tapi bagi nelayan pantai masih kekal RM0.10 per kg. "Sebab kita mahu galak nelayan laut dalam bawa balik ikan," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini hari ini. – Bernama.

Pos Malaysia labur RM250 juta bina Pusat Mel Nasional baharu

Syed Faisal Albar (kiri) menunjukkan mesin pemprosesan mel yang berteknologi baharu ketika melawat Pusat Mel Nasional di Seksyen 21, Shah Alam, kelmarin.

SHAH ALAM 15 Jun - Pos Malaysia Bhd. telah membuat pelaburan sebanyak RM250 juta untuk membina Pusat Mel Nasional (PMN) di Seksyen 21 di sini yang mula beroperasi sejak Disember tahun lalu. Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Syed Faisal Albar berkata, PMN yang baharu itu mampu

menguruskan mel untuk tiga negeri iaitu Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan. "Ia dilengkapi dengan peralatan berteknologi moden, sekali gus membolehkan kerja-kerja pengendalian mel dibuat dengan lebih cepat. "Dengan PMN yang baru ini mampu mengendalikan 40,000 mel dalam tempoh hanya sejam, membolehkan kami memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan," katanya kepada pemberita, di sini semalam.

Pusat mel itu berkeluasan 8.9 hektar dengan 1,100 kakitangan dan beroperasi selama 24 jam bagi membantu Pos Malaysia meningkatkan mutu perkhidmatan mereka. Sementara itu, Syed Faisal berkata, pihaknya bercadang menggabungkan 29 pusat mel dan menjadikannya kepada sembilan buah di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. "Daripada sembilan pusat mel itu, tujuh daripadanya di Semenanjung manakala dua lagi di Sabah dan Sarawak. "Ia merupakan satu perancangan yang mengambil masa tiga tahun dan dalam tempoh itu kami berharap sasaran itu tercapai. Kos untuk menampung penggabungan tersebut tidak sampai RM100 juta," katanya.

Kes bersubahat lupus enjin jet TUDM tangguh 22 Julai

Oleh SITI NOORALINA AHMAD

SHAH ALAM 16 Jun – Mahkamah Sesyen di sini hari ini menangguhkan sehingga 22 Julai ini perbicaraan kes Sarjan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), N. Tharmendran dan seorang ahli perniagaan yang didakwa bersubahat melupuskan enjin milik TUDM. Hakim Aslam Zainuddin menetapkan demikian selepas peguam V. Ravichandran yang baru dilantik oleh Tharmendran mewakilinya memohon tarikh singkat untuk meneliti dokumen dan membuat persiapan sebelum perbicaraan bermula. Aslam juga menetapkan 25 dan 26 Julai ini untuk perbicaraan. Terdahulu, peguam Gobind Singh Deo yang mewakili ahli perniagaan yang merupakan tertuduh kedua, K. Rajandran Prasad, 38, membangkitkan isu pertuduhan terhadap anak guamnya yang didakwa tidak selaras dengan Seksyen 153 Kanun Tatacara Jenayah. "Tiada masa kejadian yang spesifik dinyatakan dalam pertuduhan ke atas anak guam saya, perkara ini menimbulkan prejudis kepada pihak kami," kata Gobind.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya, Syed Faisal Syed Amir menyatakan, pihaknya telah mematuhi Seksyen 153 Kanun Tatacara Jenayah kerana isu masa spesifik tidak penting kerana tarikh kejadian telah dinyatakan. Bagaimanapun, Aslam menyatakan, mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk memerintahkan demikian sehingga kes itu didengar dahulu. Selain itu, kedua-dua tertuduh itu akan dibicarakan di mahkamah sama atas tuduhan terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram masing-masing melibatkan RM62,000 dan RM437,313.50, tiga tahun lalu. Pendakwaan kes mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 itu dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Haziq Razali. – Utusan



16 Jun 2011 (Khamis)

Surat sahkan perumahan terbengkalai dikeluarkan

KUALA LUMPUR 16 Jun – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengeluarkan surat pengesahan projek perumahan terbengkalai bagi membolehkan pembeli yang teraniaya membuat penstrukturan semula pinjaman. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Chor Chee Heung berkata, surat itu juga membolehkan pembeli membuat pinjaman perumahan kerajaan yang baru dengan membatalkan pinjaman terdahulu. “Melalui surat pengesahan itu, pembeli juga boleh menanggung faedah pinjaman sebanyak empat peratus selama lima tahun atau sepanjang tempoh projek dipulihkan. “Kementerian memandang serius isu projek perumahan terbengkalai dan bagi membantu rakyat, kita menyediakan surat pengesahan itu untuk mengurangkan beban pembayaran ansuran pinjaman rumah oleh pembeli,” katanya pada sidang Dewan Rakyat hari ini. Beliau menjawab soalan P. Kamalanathan (BN-Hulu Selangor) yang meminta kementerian menyatakan tindakan yang diambil terhadap pemaju rumah yang gagal menyiapkan projek seperti yang dijanjikan. Chee Heung berkata, pihaknya juga kini dalam peringkat akhir proses menambah baik perundangan sedia ada melalui pindaan kepada beberapa peruntukan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Perlesenan) 1996 (Akta 118). Pindaan itu juga, katanya, akan mewujudkan peruntukan khas bagi membolehkan tindakan pendakwaan diambil terhadap pemaju yang gagal menyiapkan projek dalam tempoh perjanjian ditetapkan atau menyebabkan suatu projek perumahan terbengkalai. “Pindaan kepada akta itu turut meliputi hukuman denda RM250,000 hingga RM500,000 atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya sekiranya pemaju didapati melakukan kesalahan,” katanya.



17 Jun 2011 (Jumat)

Menantu bekas MB Selangor mohon gantung status bankrap

KUALA LUMPUR 17 Jun - Menantu kepada bekas Menteri Besar Selangor, Allahyarham Tan Sri Ahmad Razali Mohd. Ali memfailkan permohonan penggantungan status bankrap yang dihadapinya sementara menunggu rayuan di Mahkamah Rayuan berhubung keputusan satu kes saman yang tidak memihak kepada dirinya. Permohonan itu difailkan oleh Datuk Noorazman Adnan yang diwakili peguam Siti Noradira Busan di pejabat Unit Bankrapsi di Kompleks Mahkamah Jalan Duta di sini hari ini. Noorazman, 53, diisytiharkan sebagai bankrap pada 4 Januari lalu selepas rakan kongsinya dalam perniagaan pengurusan stesen minyak, Intelligent Partners Sdn. Bhd., Mohd. Fazzrul Amri Abdul Aziz, memulakan notis kebangkrutan ke atasnya berdasarkan keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak rayuan Noorazman.

Mohd. Fazzrul, 27, yang diwakili peguam Ravi Chandran mengemukakan permohonan petisyen pemiutang (kebankrapan) itu selepas ahli perniagaan tersebut gagal membayar tuntutan RM354,707.95 kepadanya berhubung satu kes saman yang diputuskan oleh Mahkamah Sesyen pada 28 April tahun lalu. Hakim mahkamah tersebut, Ishak Bahari memutuskan demikian selepas mendapati Noorazman selaku defendan telah memungkiri janji untuk membayar gaji bulanan kepada plaintif berhubung perniagaan stesen minyak mereka di Sungai Besi di sini. Beliau memutuskan agar defendan membayar ganti rugi tersebut kepada Mohd. Fazzrul selain tunggakan gaji RM6,000 sebulan secara berterusan sehingga mencukupi jumlah RM250,000. Perintah lain menyatakan, sekiranya defendan gagal menjelaskan bayaran tersebut, faedah lapan peratus setahun akan dikenakan terhadapnya bermula dari 31 Mei 2005 sehingga selesai pembayaran.

Noorazman yang tidak berpuas hati dengan keputusan itu kemudian mengemukakan rayuan di Mahkamah Tinggi (Bahagian Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas) namun rayuannya ditolak dengan kos pada 24 September tahun lalu. Selepas itu, tiada sebarang rayuan difailkan oleh Noorazman di Mahkamah Rayuan sehingga tamat tempoh rayuan tahun lalu. Pada prosiding hari ini, dia memohon agar Unit Bankrapsi menggantung status bankrap ke atas dirinya bagi membolehkannya membuat rayuan di luar masa terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang mengekalkan perintah Mahkamah Sesyen. Selepas selesai mendengar hujahan oleh kedua-dua peguam, Penolong Kanan Pendaftar Unit Bankrapsi, Rozianti Mohd. Hanaphi menetapkan 8 Julai ini untuk keputusan permohonan penggantungan status bangkrap tersebut.



18 Jun 2011 (Sabtu)

Tambak Johor nadi dua negara



PEMANDANGAN Tambak Johor yang menghubungkan Johor Bahru dan Singapura, lambang kerjasama dua negara berjiran. SELAIN Masjid Sultan Abu Bakar dan Bangunan Bukit Timbalan, pintu masuk selatan negara sinonim dengan Tambak Johor.

Walaupun hampir satu abad dibina, namun ia tetap utuh hingga kini dan banyak berjasa kepada dua negara berjiran - Malaysia dan Singapura, malah tidak keterlaluan dianggap ikon kedua-dua negara. Dibina pada zaman pemerintahan Sultan Ibrahim Sultan Abu Bakar pada 1920, Tambak Johor yang dirasmikan pada 24 Julai 1924, banyak berjasa kepada warga kedua-dua negara khususnya golongan pekerja negara ini. Bagi melancarkan perjalanan warga kedua-dua negara, tambak satu kilometer yang menjadi laluan bas, kereta dan kereta api serta direka bentuk oleh Messrs, Coode, Fitzmaurice, Wilson dan Mitchell of Westminster itu dibina dengan kos RM4.7 juta yang dibiayai oleh kedua-dua negara. Pada awalnya, ramai yang sanggup berjalan kaki merentasi tambak berkenaan, namun senario itu berubah kini dengan deretan kenderaan dari kedua-dua negara. Suasana agak lengang pada waktu tengah malam hingga subuh, namun jumlah kenderaan kian bertambah bermula pukul 5 pagi khususnya menuju ke Singapura kerana ramai rakyat Malaysia yang bekerja di republik tersebut menetap di Johor Bahru.

Keadaan sebaliknya berlaku pada petang Jumaat dan hujung minggu apabila ramai rakyat Singapura yang ingin berkunjung atau melawat saudara mara di Semenanjung Malaysia, khususnya Johor Bahru. Laluan 'wajib' itu kini menjadi penghubung kepada lebih 300,000 pengguna khususnya warga negara ini yang mencari rezeki di republik tersebut setiap hari. Yang pasti, tinjauan wartawan **S2**, ZULHISHAM ISAHAK dan jurugambar RAJA JAAFAR RAJA ALI baru-baru ini, mendapati Tambak Johor yang gah bertahan walaupun kian dimamah usia terus meninggalkan pelbagai nostalgia kepada penggunanya. Kewujudan Tambak Johor juga bukan saja menzahirkan nostalgia, malah terus menjadi nadi kehidupan warga kedua-dua negara.



18 Jun 2011 (Sabtu)

PTPTN henti pinjaman ikut peraturan

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 18 Jun – Tindakan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menahan pinjaman pelajar yang memperolehi Purata Nilai Gred Semester (PNG) 2.0 ke bawah dibuat berdasarkan Surat Pekeliling PTPTN Bilangan Satu dan Dua Tahun 2003 yang dikeluarkan pada 24 Julai tahun tersebut. PTPTN dalam kenyataannya di sini hari ini memberitahu, bayaran kepada pelajar akan ditahan untuk semester berikutnya jika mereka mendapat keputusan PNG 2.0 ke bawah dalam sesuatu semester. Bagaimanapun, bayaran itu akan disambung semula pada semester berikutnya jika keputusan PNG mereka kembali meningkat di atas 2.0. "Sekiranya bayaran telah ditahan pada semester tersebut tetapi institusi pengajian tinggi (IPT) telah memaklumkan pelajar tersebut kembali mendapat keputusan 2.0 atau ke atas, pembayaran semula akan diuruskan oleh PTPTN. "Jika bayaran telah dibuat dan kemudian dimaklumkan dan disahkan bahawa pelajar tidak patut menerimanya, PTPTN akan menahan pinjaman pada semester berikutnya," jelas kenyataan itu.



18 Jun 2011 (Sabtu)

Mesin imbas atasi kesesakan



Lalu lintas di Tambak Johor akan semakin lancar apabila empat unit mesin pengimbas dipasang Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Bangunan Sultan Iskandar tahun ini.

KESESAKAN akibat kehadiran kenderaan berat di Tambak Johor akan berkurangan apabila empat unit mesin pengimbas bernilai RM50 juta dipasang di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Bangunan

Sultan Iskandar (BSI), Johor Bahru pada tahun ini. Pegawai Keselamatan dan Penyelaras CIQ, Ismail Md. Sohoh berkata, dua mesin akan dipasang masing-masing di pintu masuk dan keluar CIQ bagi laluan lori dan kenderaan berat bertujuan memudahkan urusan serta melancarkan trafik. "Empat mesin ini akan melancarkan urusan eksport dan import. Masa yang akan diambil hanya dua minit tetapi bergantung kepada saiz muatan.

"CIQ menguruskan antara 800 hingga 1,000 lori sehari dan mesin tersebut ditempah khas dari luar negara," katanya ketika ditemui baru-baru ini. Katanya, Tambak Johor masih menjadi pilihan kenderaan berat untuk ke Singapura walaupun Laluan Kedua Malaysia-Singapura (Linkedua) telah dibuka sejak 1997 menghubungkan Gelang Patah di Johor dan Tuas di Singapura. Bagaimanapun, katanya, jumlah bas yang melalui Linkedua agak tinggi iaitu antara 1,000 hingga 1,200 buah sehari merangkumi bas kilang, persiaran, sewa khas, ekspres dan henti-henti. Sementara itu, beliau berkata, BSI yang mempunyai Laluan Jangkamasa Pertengahan (MTL) bernilai RM253 juta menghubungkan Singapura, masih belum dibuka sepenuhnya. Menurutnya, MTL yang menghubungkan timur dan barat Johor serta Singapura hanya dibuka di bahagian Malaysia sementara di negara jiran itu laluan dibuka untuk bas sahaja. Pada masa ini, katanya, lori dari Singapura ke Johor masih berurusan di Kompleks Kastam Tanjung Puteri dan apabila siap ia akan mengurangkan kesesakan di bandar raya ini lebih 50 peratus. Mengenai masalah tempat letak kereta di bangunan itu, beliau berkata, pihaknya akan membina kawasan tempat letak kereta yang baru di kawasan berdekatan. Jelasnya, bangunan tersebut menyediakan 1,000 tempat letak kereta iaitu 500 untuk kakitangan dan selebihnya untuk orang awam, namun, ia masih tidak mencukupi. "Ini kerana CIQ menjadi tumpuan dan kegunaan bukan sahaja mereka yang mahu menyeberangi Tambak Johor tetapi juga mereka yang tidak berurusan dengan CIQ atau BSI," katanya.




18 Jun 2011 (Sabtu)

Roboh tambak, rakyat sokong Sultan

ORANG ramai menyambut baik titah Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar baru-baru ini yang mahu Tambak Johor diganti dengan sebuah jambatan baru bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang seperti tiada kesudahan di situ. Jamaluddin Sidin, 30, berkata, sudah sampai masanya cadangan itu dipertimbangkan semula kerana tiada jalan terbaik selain menggantikan tambak tersebut dengan yang baru. "Kita tidak boleh tunggu lagi, hasrat baginda perlu kita junjung yang sudah tentu akan membawa manfaat kepada kedua-dua belah pihak terutama rakyat kedua-dua negara. "Seperti yang dimaklumkan, jika air yang bertakung di bawah tambak itu disebabkan pengalirannya tidak lancar, ia akan menyebabkan masalah kesihatan kepada rakyat Johor akibat kekotoran," katanya ketika ditemui baru-baru ini. Katanya, kerajaan perlu berbincang dan modalnya harus dibiayai oleh kedua-dua belah pihak sebagai tanda setiakawan dan bagi mencerminkan hubungan akrab antara Malaysia dan Singapura.

Nur Fatin Sharmin, 36, berkata, kesesakan di tambak tersebut terutama di waktu puncak kini semakin serius dan jika dibiarkan akan bertambah parah. Menurutnya, Singapura tidak seharusnya mementingkan keuntungan atau memikirkan diri sendiri sahaja kerana keengganannya hanya akan memburukkan keadaan. Bagi **Law Siew Le**, 33, pula, sekiranya pembinaan jambatan baru itu dapat dilakukan, ia akan menjadi mercu tanda baru dan daya penarik untuk kedua-dua negara. Dia berkata, rundingan mengenai yang telah beberapa kali gagal mencapai kata sepakat tidak harus dijadikan alasan untuk tidak duduk dan berbincang semula. M. Ramasamy, 56, pula berharap, apabila persetujuan sudah dicapai projek mega tersebut tidak mengulangi kesilapan sebelum ini yang dibatalkan proses pembinaannya. "Rakyat tidak mahu melihat satu lagi projek gajah putih, kita mahukan satu jambatan baru," katanya. Samsul Samuri, 36, meminta kerajaan bertegas dalam menangani perbincangan tersebut dan tidak perlu lagi bertolak ansur.

Nostalgia Tambak Johor

GAMBAR pada 15 September 1976 ini menunjukkan Kompleks Lama Pemeriksaan Kastam ke atas lori-lori yang berderet menanti giliran

TAMBAK Johor yang menjadi penghubung antara Johor dan Singapura, sememangnya menyimpan pelbagai nostalgia sejak dibina hampir 100 tahun lalu. Banyak peristiwa penting berlaku sama ada melibatkan kegiatan ekonomi, politik serta sosial negeri ini khususnya

dan Malaysia amnya. Laluan dengan jarak kira-kira satu kilometer itu mempunyai sejarah dan nilai sentimental yang tinggi lebih-lebih lagi di kalangan penghuni kota di pinggir bandar raya ini. Bagi yang mencari rezeki di negara jiran itu, pengorbanan masa dan kepayahan mengharungi kesibukan jalan raya sebelum melepasi tambak tersebut memberikan pengalaman tersendiri. Antara ribuan mereka itu ialah Lim Chi Leong, 37, dari Taman Setia Indah, di sini. Dia telah bekerja di Singapura lebih 10 tahun lalu dan mempunyai kenangan unik ketika mula-mula bertugas. Menurut pekerja kilang itu, setiap hari, sejak sedekad yang lalu, dia perlu keluar rumah seawal pukul 7 pagi, mengayuh basikal dari rumah sebelum meletakkannya di Stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan menaiki bas ke Singapura. “Saya menaiki basikal sejauh lebih 10 kilometer setiap hari dan rutin ini berlarutan selama dua tahun. Kemudian saya mula menggunakan motosikal untuk ke tempat kerja. “Kini setiap hari apabila melalui Tambak Johor, perasaan akan terasa sayu bercampur gembira terkenangkan laluan itu banyak berjasa apatah lagi bagi mereka yang mencari rezeki,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Chi Leong berkata, tidak ramai yang tahu bahawa tambak itu merakamkan pelbagai sejarah sejak sebelum merdeka lagi dan ia wajar dibukukan jika kerajaan bercadang merobohkannya. Seorang lagi pengguna setia laluan di Tambak Johor itu, Kamarulzaman Mohamad, 38, pula menyifatkan pengalamannya berjalan kaki di sepanjang tambak itu memberikan satu pemandangan indah. Katanya yang telah bekerja lebih 20 tahun di Singapura dan bapa kepada tiga anak itu, mereka memilih untuk berjalan kaki adalah bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas kerana masa yang diambil hanya kira-kira 15 minit. “Kita akan dapat melihat Bandar Raya Johor Bahru dan Singapura yang damai dan menenangkan jiwa,” ujarinya lagi. Intheran Krishnasamy, 36, dari Larkin pula mempunyai perasaan berbeza apabila mengenangkan Tambak Johor kerana dia akan terbayang masalah kesesakan lalu lintas yang teruk. Sebelum ini, katanya, dia akan bangun seawal pukul 3 pagi dan sampai ke tambak tersebut kira-kira sejam selepas itu sebelum terpaksa beratur untuk melintasi jambatan terbabit. “Sampai ke hari ini, setiap hari pukul 4 pagi masih boleh dilihat pekerja-pekerja kilang berjalan kaki dari Tambak Johor ke Woodlands iaitu sempadan Singapura,” katanya. Sementara itu, Lim Kee Hua, 26, dari Permas Jaya pula percaya, golongan paling ramai yang melalui tambak itu setiap hari adalah mereka yang bekerja di negara berkenaan. Dia yang telah empat tahun bekerja di negara pulau tersebut berkata, ia berdasarkan jumlah kenderaan khususnya bas kilang yang melalui Tambak Johor setiap hari.

74.3 juta pengguna sepanjang 2010

RAKYAT Malaysia yang berulang-alik bekerja di Singapura melalui Tambak Johor melakukan pemeriksaan passport mereka di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Bangunan Sultan Iskandar, Tambak Johor, Johor Bahru, baru-baru ini.

SERAMAI 74.3 juta orang menggunakan Tambak Johor menerusi Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di sini, sepanjang tahun lalu. Pegawai Keselamatan dan Penyelaras CIQ, Ismail Md. Sohot berkata, daripada jumlah itu, purata mereka yang menggunakan CIQ dalam sebulan ialah antara enam hingga tujuh juta orang. “Sementara dalam sehari pula kira-kira 350,000 orang menggunakan Tambak Johor tetapi jumlah ini berbeza pada hujung minggu atau hari perayaan yang boleh mencecah sehingga 400,000 orang. “Jumlah pengguna Tambak Johor meningkat saban tahun terutama apabila wujudnya CIQ yang menelan kos RM1.2 juta,” katanya ketika ditemui baru-baru ini. Kompleks CIQ dan BSI dibuka secara rasmi pada 2009 dengan kos RM2 bilion merupakan stesen transit awam dan hab terminal pengangkutan kereta api yang melalui tambak itu. Pembinaan dibuat bagi melancar dan mempermudah aliran trafik di pusat perdagangan bandar raya ini selain kawasan perhentian utama untuk berulang alik dari Johor ke Singapura. Ismail berkata, CIQ dan BSI memberi banyak manfaat kepada rakyat dari kedua-dua negara kerana kemudahan sedia ada dapat menampung kapasiti sehingga 500,000 orang sehari. Katanya, terdapat 38 kaunter pemeriksaan untuk kereta, 50 kaunter motosikal, 20 kaunter pejalan kaki dan 14 pemeriksaan passport melalui pintu automatik di kompleks ini.

Menurutnya, kira-kira 40,000 motosikal dan antara 20,000 hingga 30,000 kereta menggunakan tambak tersebut dalam sehari. Beliau berkata, kelancaran urusan di bangunan tersebut bukan sahaja kerana kemudahannya tetapi juga kerjasama berkesan agensi kerajaan dan swasta di situ. “Terdapat tujuh agensi kerajaan di bangunan ini antaranya Jabatan Perdana Menteri, polis, Jabatan Imigresen dan Kastam serta tiga pihak swasta,” ujarinya. Ismail memberitahu, Tambak Johor merekodkan jumlah kemasukan ke negara ini yang paling ramai berbanding melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), terminal penerbangan tambang murah (LCCT) dan Bukit Kayu Hitam di Kedah. Malah katanya, kemasukan melalui laluan bersejarah tersebut adalah paling ramai di rantau Asia dan perkembangan itu menunjukkan ia amat penting bagi negara ini.

Apakah kemungkinan satu lagi krisis kewangan?

PENUNJUK perasaan berhimpun di depan Parlimen Greece, Rabu lalu kerana tidak puas hati dengan krisis kewangan negara itu. – REUTERS

MARK Mobius, Pengarah Urusan Templeton Fund Inc. dalam satu ucapannya baru-baru ini di Hong Kong menyatakan kemungkinan satu lagi krisis kewangan akan berlaku. Ini katanya, disebabkan dunia tidak menyelesaikan sepenuhnya kesan daripada krisis kewangan yang berlaku pada 2008 dahulu. Apa yang dilakukan oleh Amerika Syarikat (AS) umpamanya adalah menerbitkan Kemudahan Kuantitatif (Quantitative Easing) 1 dan 2 bertujuan membeli Bil Perbendaharaan negara sendiri. QE2 ini akan berakhir tidak lama lagi dan pasaran tidak pasti sama ada akan ada QE3 nanti. Suatu reka bentuk kewangan yang banyak diperkatakan untuk mengubah keseluruhan struktur kewangan antarabangsa tetapi kurang daripada apa yang sepatutnya dilakukan. Pihak AS cuma merangka sesuatu yang melibatkan institusi kewangan yang paling sensitif dengan sesuatu krisis. Perkara yang banyak menyebabkan krisis 2008 dulu iaitu pasaran derivatif yang sewajarnya diwujudkan suatu sistem pantauan yang boleh mengesan keseluruhan dagangan derivatif dari segi bentuk dan saiz dan institusi-institusi yang terlibat. Ramai yang menyatakan apa yang menyebabkan keruntuhan sistem kewangan pada 2008 sehingga menyebabkan syarikat yang sudah lama wujud seperti Bear Sterns dan Lehman Brothers muflis ialah sifat tamak manusia.

Memanglah sifat tamak manusia tidak dapat diubah kerana kalau tidak kerana gempa bumi di Kobe dulu, Nick Leeson daripada Baring Brothers akan menjadi seorang wira. Oleh itu, sistem pemantauan wajar diwujudkan kerana terlalu instrumen kewangan yang pelbagai jenis yang canggih dan tidak boleh difahami oleh pihak pengawal selia sendiri. Kini semasa AS masih bergelut dengan memulihkan ekonominya, Greece mungkin mencetus suatu krisis kewangan di peringkat global ekoran kegagalan mereka memenuhi syarat yang ditentukan oleh Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Kesatuan Eropah. Program pemotongan kerajaan Greece sebanyak 28 bilion Euro telah menimbulkan huru-hara di kalangan rakyat mereka. Tanpa pemotongan perbelanjaan itu, IMF dan EU tidak mahu memberikan bantuan kewangan. Khamis lalu, pelabur di seluruh dunia melahirkan kebimbangan mereka dan kebanyakan pasaran saham di dunia mengalami kejatuhan yang teruk termasuk kejatuhan mata wang Euro. Sebenarnya apabila sesuatu krisis kewangan berlaku kita akan melihat pelbagai langkah diambil kononnya untuk mengelakkan daripada berlakunya krisis di masa hadapan.

Malangnya apabila keadaan nampak agak tenang dan stabil sedikit, segala usaha-usaha untuk meletakkan suatu struktur kewangan antarabangsa diabaikan. Apa yang berlaku dengan Greece akan mengheret banyak institusi dan negara ke arah kancah ketidakstabilan. Walaupun Perdana Menteri mengumumkan suatu susunan Kabinet baru, ini tidak nampak akan menyelesaikan masalah kewangan Greece. Baiknya tidak ada institusi kewangan kita yang terlibat dengan bon-bon dan instrumen yang diterbitkan oleh kerajaan Greece dan dari segi itu kita tidak akan mengalami masalah. Bagaimana pun kalau negara-negara di Eropah mengalami masalah ekoran daripada masalah Greece, dari segi dagangan kita akan terlibat. Kalau berlaku suatu lagi krisis kewangan di peringkat global, kita sedikit sebanyak akan terkena juga tempiasnya.

Di kala dunia sedang berdepan dengan masalah menangkis inflasi dan kenaikan harga barang makanan, banyak negara yang tinggi pertumbuhannya seperti China dan India telah mempertingkatkan kadar faedah mereka dan ini dengan sendirinya akan memperlahankan pertumbuhan di merata tempat. Bagi negara kita, ini bererti kemungkinan aliran pelaburan asing akan berkurangan. DATO' SALLEH MAJID ialah bekas Presiden Bursa Saham Kuala Lumpur (kini Bursa Malaysia).



21 Jun 2011 (Selasa)

KDN senarai hitam 20 IPTS

Oleh ROKIAH ABDULLAH rokiah.abdullah@utusan.com.my

PULAU PINANG 21 Jun – Lebih 20 institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) disenarai hitam oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) daripada mengambil penuntut luar negara kerana disyaki membawa masuk pekerja asing menggunakan pas pelajar. Ketua Sektor Operasi Unit Perdagangan Manusia Jabatan Imigresen, Abdul Hamid Ahmad berkata, siasatan pihaknya mendapati kebanyakan IPTS terlibat memberi maklumat tidak tepat mengenai profil penuntut asing masing-masing bagi mengelak kegiatan mereka diketahui pihak berkuasa. Justeru jelas beliau, pihaknya melalui Bahagian Pas Pelajar tidak akan mengeluarkan pas bagi pengambilan penuntut baru untuk IPTS tersebut. "Dalam lawatan yang kami buat, ada IPTS yang mempunyai pendaftaran penuntut asing lebih daripada 1,000 orang sedangkan premis pengajiannya hanya mampu memuatkan 80 orang dan yang paling menghairankan, didapati cuma sembilan penuntut asing yang belajar. "Bila dipersoalkan mereka gagal memberi jawapan. Kami percaya ada pihak-pihak tertentu telah menggunakan kolej untuk membawa pekerja asing yang kononnya berdaftar sebagai penuntut," katanya.

Beliau berkata demikian semasa perbincangan meja bulat bengkel sistem dan prosedur penguatkuasaan perdagangan manusia anjuran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang di sini hari ini. Turut menjadi panel dalam perbincangan itu ialah Ketua Polis negeri, Datuk Ayub Yaakob dan Pengarah SPRM Pulau Pinang, Datuk Latifah Md. Yatim. Dalam perkembangan berkaitan menurut Abdul Hamid, pihaknya baru-baru ini membatalkan kelulusan sekumpulan rakyat India daripada memasuki negara ini untuk melanjutkan pengajian di IPTS meskipun kelulusan mengenainya telah diberi pihak berkaitan. "Bayangkan hasil siasatan yang dibuat, kesemua mereka tidak langsung pandai membaca. Macam mana mahu jadi pelajar kalau berkeadaan begitu. Sudah pasti mereka bukan pelajar yang sepatutnya tetapi dibawa masuk oleh pihak tertentu untuk tujuan lain," katanya.

PTPTN hanya dapat kutip RM2.45 b

Oleh OPAT RATTANACHOT uspetani@utusan.com.my



TAJUL Urus Md. Zain (kanan) menyampaikan sumbangan Komputer 1 Malaysia kepada salah seorang pelajar di Sungai Petani, Kedah, semalam.

SUNGAI PETANI 21 Jun - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hanya menerima bayaran balik pinjaman berjumlah RM2.45 bilion berbanding RM5.04 bilion yang sepatutnya diterima sehingga bulan lalu. Ahli Lembaga Pengarahnya, Datuk Tajul Urus Md. Zain berkata, sejumlah RM2.59 bilion lagi gagal dikutip daripada kira-kira 228,000 peminjam yang telah tamat pengajian dan sudah bekerja. "Kita hanya mendapat balik sebanyak 48.56 peratus atau RM2.45 bilion daripada jumlah yang sepatutnya iaitu RM5.04 bilion. Ini berlaku kerana masih ramai peminjam yang sudah tamat pengajian, malah yang mendapat kerja bagus tidak bayar balik pinjaman. "Tindakan peminjam liat ini amat dikesali kerana bukan sahaja menyusahkan kerajaan, tetapi turut menjejaskan peluang bakal peminjam lain," katanya selepas menyampaikan komputer riba 1 Malaysia kepada 1,500 pelajar dari Parlimen Merbok di sini hari ini.

Tajul Urus yang juga Penyelarar Parlimen Merbok berkata, PTPN telah melakukan pelbagai usaha untuk memastikan peminjam membayar balik wang berkenaan. Katanya, antara usaha yang dilakukan ialah menghantar notis amaran, menggalakkan mereka memotong gaji melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan mempermudah urusan bayaran melalui perbankan *online*. "Walaupun pelbagai usaha dilakukan, namun masih ada segelintir yang terus berdegil dan ia memaksa kami mengambil tindakan tegas termasuk bekerjasama dengan pihak berkuasa menyenaraihitamkan mereka," katanya. Sementara itu, beliau memberitahu, sehingga 30 April lalu, PTPTN telah membelanjakan RM25.3 bilion untuk memberi pinjaman kepada pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT) sejak 14 tahun lalu. Dalam perkembangan berkaitan, Tajul Urus menjelaskan, PTPTN hanya akan menahan pembiayaan untuk semester berikutnya bagi pelajar yang mendapat keputusan peperiksaan dengan Purata Nilai Gred Semester (PNGS) di bawah 2.0. "Bayaran akan dibuat semula pada semester seterusnya sekiranya pelajar terbabit kembali mendapat keputusan PGNS 2.0 ke atas. Bagaimanapun, tiada bayaran tunggakan dibuat untuk semester pengajian yang ditahan bayarannya itu," katanya.

Subsidi: Isu, dilema, sasaran dan saranan

Oleh NAZIRUDDIN ABDULLAH PENULIS ialah Profesor Ekonomi di Jabatan Ekonomi, Kulliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

SUBSIDI, jika dilihat dalam konteks pencapaian objektif ekonomi pasaran bebas dianggap tidak efisien serta mendatangkan masalah. Ini berdasarkan kepada faktor-faktor berikut. Pertama, subsidi mengganggu keberkesanan penggunaan dan pengagihan sumber-sumber yang terbatas. Ini berlaku apabila barangan dan perkhidmatan yang termasuk dalam kategori subsidi mempunyai dua tanda harga; harga pasaran/benar dan harga kawalan/subsidi atau harga di bawah harga pasaran. Walhal kos pengeluarannya adalah sama. Kedua, pengagihan barangan dan perkhidmatan mengikut mekanisme subsidi berbanding pasaran melibatkan kos yang besar serta kadang kala agak kompleks dan memerlukan penubuhan agensi-agensi khusus mengikut tabii golongan sasaran yang dikehendaki. Ketiga, sukar untuk mensasarkan penerima subsidi. Acap kali, golongan yang berhak menerima subsidi hanyalah minoriti kecil di mana pengagihan lebih efisien dan saksama melalui pemindahan pendapatan. Keempat, subsidi secara langsung atau tidak langsung menggalakkan aktiviti tidak bermoral seperti rasuah, penyeludupan dan penjualan barangan dan perkhidmatan yang disubsidikan. Bagaimanapun, apa yang diperkatakan di atas tidak sama sekali bermaksud subsidi tidak diperlukan dalam menentukan agihan pendapatan dan kekayaan yang adil dalam sesebuah negara.

Di Malaysia, setiap langkah kerajaan samada dalam bentuk mengawal harga barangan keperluan seperti gula, minyak masak dan lain-lain, atau pemberian subsidi secara langsung seperti buku teks dan susu untuk sekolah, baja dan racun serta benih kepada petani adalah amat praktikal. Sekali gus, inisiatif tersebut banyak membantu golongan termiskin meningkatkan secara tidak langsung pendapatan benar mereka. Dianggarkan pada 2007, kerajaan membelanjakan RM40.1 bilion untuk tujuan subsidi bagi menstabilkan harga barangan. Pada 2009 pula, 22 peratus perbelanjaan kerajaan adalah untuk subsidi. Sesungguhnya, subsidi jika dilihat dalam konteks ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan tidak pernah gagal dalam melaksanakan tanggungjawab sosialnya. Namun, kekhilafan kerajaan ialah nikmat pemberian subsidi dikecapi oleh hampir semua strata masyarakat tanpa mengira status pendapatan individu atau isi rumah. Dengan kata lain, subsidi dinikmati oleh semua golongan; golongan kaya dan mewah, golongan berpendapatan sederhana dan golongan miskin. Begitu juga dengan tarif elektrik, air, petrol, LPG, diesel, buku teks dan susu percuma sekolah. Ringkasnya, kerajaan tidak sama sekali meletakkan golongan sasaran yang wajar diberikan subsidi. Implikasinya, kerajaan berbelanja lebih RM10 bilion setahun untuk tujuan pemberian subsidi. Ini merupakan satu beban kewangan kepada kerajaan terutama jika harga semua komoditi yang dinyatakan di atas mengalami kenaikan harga di pasaran antarabangsa. Justeru, sudah sampai masa pembuat dasar dan pemerintah memikirkan jalan keluar kepada isu dan dilema ini. Jalan terbaik mengatasi isu ini ialah dengan mengambil kira persoalan-persoalan berikut:

Pertama, apakah kerajaan mempunyai sumber kewangan yang cukup untuk membiayai subsidi? Kedua, apakah subsidi masih kekal relevan dalam usaha untuk merealisasikan visi 2020 dan negara berpendapatan tinggi? Ketiga, sekiranya subsidi perlu diteruskan siapakah golongan sasaran yang berhak untuk menerimanya? Keempat, di manakah ataupun adakah titik noktah kepada isu pemberian dan penerimaan subsidi? Kelima, apakah dengan menyegerakan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) akan membantu menyelesaikan sebahagian daripada kemelut yang menyelubungi subsidi?

Bagi mendapatkan gambaran tepat mengenai nilai subsidi yang di tanggung oleh kerajaan dipaparkan di sini dua senario. Pertama, senario subsidi minyak dari 1999 hingga 2007. Sepanjang tempoh tersebut kerajaan membiayai RM58.32 bilion. Semakin tinggi harga minyak di pasaran antarabangsa, semakin besar nilai subsidi yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan. Dengan harga minyak kini telah mencecah AS\$100 setong, nilai subsidi barang kali boleh mencecah RM13 bilion. Inilah jumlah wang pembayar cukai dan hasil kerajaan yang bakal digunakan oleh kerajaan untuk membiayai subsidi. Kedua, senario subsidi lapan jenis barangan keperluan asas sepanjang 2010 di mana kerajaan membelanjakan RM10.921. Namun, jika ditolak subsidi diesel dan petrol RON95 jumlah subsidi ialah RM3.311 bilion. Persoalannya, mampukah kerajaan secara berterusan membiayai subsidi dan memadaikah sumber kerajaan untuk membiayai subsidi tersebut. Jika nilai subsidi dibandingkan dengan pendapatan kerajaan kita yakin bahawa kerajaan mampu dan mempunyai sumber yang cukup untuk membiayai subsidi tersebut. Cuma yang menjadi tanda tanya berbaloikah wang sebanyak itu dibelanjakan sedangkan jumlah pengguna yang benar-benar memerlukan subsidi tersebut adalah secara relatifnya kecil. Juga, dengan jumlah wang sebanyak itu adalah lebih efisien digunakan untuk membina infrastruktur di luar bandar supaya taraf hidup masyarakatnya setanding dengan masyarakat bandar. Berdasarkan pengalaman negara-negara maju termasuk Amerika Syarikat (USA), Jepun, United Kingdom (UK) dan Kanada, isu subsidi ini tidak pernah terpisahkan dari agenda politik dan sosio-ekonomi mereka. Malahan, semakin maju sesebuah negara semakin relevan isu subsidi khususnya dalam konteks untuk melindungi pengeluar, petani dan pengguna daripada ancaman limpahan kemasukan komoditi pertanian dari negara-negara membangun. Berdasarkan pengalaman di negara-negara tersebut tidak syak lagi subsidi adalah isu yang masih relevan dan perlu diteruskan di Malaysia. Namun, kerangka pelaksanaannya perlu disesuaikan dengan perkembangan sosio-ekonomi semasa, khususnya dalam menentukan golongan manakah yang paling wajar dan layak menerima subsidi. Premis kepada isu ini ialah pemberian subsidi perlu diteruskan dengan beberapa ubah suai mengikut tuntutan semasa. Golongan yang paling terkesan akibat sebarang kenaikan barangan keperluan asas ialah golongan berpendapatan rendah. Ini bermakna satu mekanisme perlu dirangka supaya hanya mereka yang termasuk dalam kedua-dua kategori ini menerima nikmat secara langsung pemberian subsidi kerajaan yang datang dalam bentuk harga barangan keperluan asas, petrol, gas dan lain-lain.

Mekanisme yang paling efisien dengan kos pentadbiran yang murah ialah melalui pemindahan pendapatan iaitu sama seperti COLA (kos elaun saraan hidup). Namun, ia perlu dipanjangkan liputannya kepada pesara awam dan swasta, pekerja sektor swasta dan golongan pekerja persendirian di bandar dan luar bandar. Mekanisme kedua iaitu dalam bentuk barangan seperti buku teks sekolah, institusi pengajian tinggi, komputer dan lain-lain barangan keperluan yang dianggap perlu bagi meningkatkan mutu hidup golongan sasaran perlu diagihkan mengikut jenis pekerjaan serta pendapatan ketua isi rumah. Mengambil kira isu-isu yang dibincangkan, subsidi tidak wajar dinokhtahkan. Ini perlu diteruskan dengan beberapa pembaikan. Perlu ditentukan sistem penyampaian (*delivery system*), golongan sasaran, jenis barangan atau perkhidmatan, institusi yang diamanahkan memikul tanggungjawab tersebut dan agensi penguat kuasa pemantau. Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) perlu disegerakan kerana ia mempunyai pelbagai faedah. Pertama, ia menjadi sumber pendapatan tetap kerajaan. Kedua, sukar berlaku sebarang penipuan dan salah guna GST. Ketiga, had penggunaan barangan dan cukai yang perlu dibayar bergantung keperluan dan kuantiti barangan yang dibeli oleh pengguna. Keempat, ia tidak memerlukan kos pentadbiran yang besar untuk memantau perjalanan sistem ini. Kelima, ini lebih mendekatkan Malaysia dengan negara-negara lain khususnya ASEAN yang telah lama melaksanakan sistem percukaian ini. Berdasarkan perbincangan di atas tidak syak lagi isu subsidi perlu disantuni dengan kaedah yang lebih berhemah, mempunyai nilai sosial dan menepati ciri-ciri kontemporari.

Jadi tumpuan 'cloud computing'**Daripada AZMAN IBRAHIM bisnes.utusan@gmail.com**

SINGAPURA 22 Jun - Asia kini menjadi tumpuan pelaburan baharu bagi syarikat-syarikat penyedia 'cloud computing' dunia dalam memajukan sistem komputer yang menjadi hala tuju penting dunia perniagaan. 'Cloud computing' merupakan sistem komputer yang membolehkan pengguna mengakses kepada pelbagai sumber pelayan secara bersepadu melalui pelbagai rangkaian media digital pada satu-satu masa. Ini bermakna pengguna juga boleh mengakses sumber pelayan menggunakan komputer, netbook, komputer tablet, telefon pintar dan lain-lain lagi. Pengarah Urusan Serantau Asia Pasifik Research In Motion Singapore Pte. Ltd.(RIM), Gregory Wade berkata, 'cloud computing' dapat membantu meningkatkan pertumbuhan perniagaan sesebuah syarikat dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dengan pantas berikutan sistemnya yang menggunakan pelayan secara bersepadu.

Sebagai contoh, kata beliau, Indonesia, Malaysia dan Filipina berpotensi besar untuk menggunakan sistem terbaharu itu kerana negara-negara itu mempunyai kadar penggunaan Internet yang tinggi di Asia pada masa ini. Selain itu, katanya, sektor yang paling baik untuk menggunakan sistem 'cloud computing' adalah perbankan, perkhidmatan dan telekomunikasi. "Sekarang merupakan masa untuk perubahan dunia Internet. 'Cloud computing' mempermudah dan menjimatkan kos operasi. Malah, ia lebih selamat berbanding sistem Internet sedia ada. "'Cloud computing' sudah menjadi isu hangat di negara-negara barat sejak lima tahun lalu dan sebahagian besar syarikat dan sektor korporat di negara-negara berkenaan sudah menggunakannya," katanya. Beliau berkata demikian pada taklimat Sidang Kemuncak Komunikasi Asia (CommunicAsia) di sini hari ini. CommunicAsia berlangsung selama tiga hari bermula 21 Jun lalu bertempat di Marina Bay Sands Hotel di sini. CommunicAsia dianjurkan oleh Singapore Exhibition Services Pte. Ltd. yang berjaya menarik lebih 55,000 pengunjung. Sebanyak 2,000 pempamer dari 59 buah negara seluruh Asia termasuk Malaysia terlibat dalam sidang kemuncak tersebut.

26,800 hektar tanah diceroboh**Oleh ANI AWANG utusanperak@utusan.com.my**

IPOH 26 Jun – Kerajaan negeri memberi amaran akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang terbabit dalam aktiviti penerokaan tanah kerajaan secara haram. Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir berkata, tindakan mengikut undang-undang itu bagi membolehkan mereka yang terbabit dibawa ke muka pengadilan. Beliau berkata, ini kerana siasatan pihaknya mendapati lebih 26,800 hektar tanah kerajaan diceroboh di negeri ini yang dikesan didalangi oleh sindiket tertentu. "Kebanyakan tanah yang diteroka itu digunakan untuk tujuan pertanian dan perindustrian," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan sambutan ulang tahun kelima Pusat Pendidikan Al-Barakah di kediaman Rasmi Menteri Besar di sini, hari ini.

Sempena majlis itu, Zambry turut melancarkan buku Puasa dan Permasalahannya karya Pengetua Pusat Pendidikan Al-Barakah, Mohd. Kazim Elias. Lebih 600 peneroka mendakwa mengalami kerugian apabila Pejabat Tanah dan Galian Negeri (PTG) dan Daerah Perak Tengah memusnahkan ladang pisang dan tanaman kontan di Sungai Tumboh dekat Seri Iskandar, Khamis lalu. Operasi membabitkan 350 anggota termasuk PTG, polis, Jabatan Imigresen dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dijalankan mengikut Seksyen 425 Kanun Tanah Negara kerana kesalahan menceroboh tanah kerajaan. Zambry berkata, tindakan yang diambil PTG itu bukan zalim kerana pencerobohan tanah kerajaan negeri begitu serius sejak kebelakangan ini. “Kerajaan tidak zalim dan menganiaya sesiapa kerana ia merupakan sesuatu yang serius jika tidak dibendung,” katanya.



27 Jun 2011 (Isnin)

Apa sudah jadi rumah PKNS Serendah

RIZAL KURUVI

UNTUK pengetahuan PKNS, saya salah seorang daripada pembeli rumah dua tingkat jenis Lily di Mukim Serendah Antara Gapi Selangor. Ketika majlis pelancaran jualan rumah itu pada Julai 2010, saya dimaklumkan bahawa tempoh penyerahan kunci/CF sekitar bulan Disember 2010 atau Januari 2011. Memandangkan tempoh itu tidak terlalu lama saya mengambil keputusan untuk membelinya ditambah pula harga yang ditawarkan cukup menarik dan rumah telah siap sepenuhnya (100% siap). Namun, sehingga kini telah hampir setahun rumah itu masih tidak dapat diserahkan. Saya telah beberapa kali menghubungi pihak PKNS dan pihak jurutera perumahan dan alasan yang diberikan adalah berkaitan masalah bekalan air (Syabas) dan bermacam lagi alasan. Saya memuji cara PKNS menyahut seruan kerajaan iaitu konsep Bina dan Jual dan menyelamatkan pembeli berhadapan risiko rumah terbengkalai, tapi apakah maknanya jika rumah siap sepenuhnya pun tapi mengambil masa terlalu lama untuk diserahkan. Untuk pengetahuan, pihak bank yang memberi pinjaman telah membayar lebih 60 peratus daripada harga rumah seperti yang diminta PKNS. Oleh kerana kelewatan penyerahan ini juga menyebabkan saya terpaksa menanggung dua jenis pembayaran, pertama ansuran rumah ini dan kedua sewa rumah dan ini amat membebankan saya.



27 Jun 2011 (Isnin)

Empangan Kahang dijangka siap Disember 2015

NUSAJAYA 27 Jun - Pembinaan Empangan Kahang di Kluang yang menelan kos RM105 juta dijangka siap sepenuhnya menjelang Disember 2015. Empangan yang dibina oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) menerusi Jabatan Bekalan Air dengan pembiayaan kerajaan Persekutuan itu dijangka mampu menyelesaikan masalah bekalan air di kawasan Kluang. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar negeri, Tan Kok Hong berkata, pihak kementerian terbabit kini sedang dalam proses melantik juruperunding bagi projek berkenaan dan dijangka selesai Ogos ini. Menurutny, juruperunding yang dilantik itu akan dipertanggungjawabkan untuk mereka bentuk, siasatan tapak, kerja ukur dan kajian Laporan Alam Sekitar.

"Kerja fizikal projek ini pula dijadualkan bermula selewat-lewatnya Januari 2012 dan dijangka siap pada Disember 2015," katanya menjawab soalan **Ng Lam Hua (DAP-Mengkibol)** pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Kota Iskandar, di sini hari ini. Menjawab soalan tambahan **Datuk Abdul Hamid Abdul Rahman (BN-Machap)** mengenai langkah kerajaan negeri bagi mengelakkan masalah kekurangan bekalan air ketika projek berkenaan dijalankan, Kok Hong berkata, pihaknya akan berusaha mengatasinya dengan menaikkan tahap air di beberapa empangan lain. Beliau berkata, Empangan Kahang adalah kawasan takungan yang penting dan mengambil masa sehingga dua tahun untuk dibina. "Kita juga memerlukan antara setahun setengah hingga dua tahun untuk memenuhi kira-kira 19.4 juta liter air di situ dan masalah kekurangan bekalan tidak boleh dielakkan dalam tempoh berkenaan. Begitupun, kita masih ada bekalan daripada empangan lain seperti di Sembrong Timur dan Machap," katanya. Katanya, pada kadar biasa, Empangan Sembrong boleh menampung bekalan sehingga 55 juta liter sehari dan jika berlaku masalah kekurangan bekalan, kadarnya boleh dipertingkatkan kepada 65 juta liter.



27 Jun 2011 (Isnin)

Forum - Terkejut doktor tidak diberi tugas sewajarnya

NOOR MOHAMAD BIN SHAKIL HAMEED Serdang, Selangor

AGAK mengejutkan apabila membaca surat 'Doktor Kecewa' dari Pulau Pinang yang disiarkan dalam ruangan Forum akhbar ini baru-baru ini. Satu pendedahan yang sukar untuk kita percaya ataupun yakin berlaku dalam perkhidmatan kesihatan di negara kita. Hal ini kerana di kala kita sering kali didedahkan dengan maklumat kekurangan doktor di negara kita terutamanya di hospital kerajaan, kita dikejutkan pula dengan pendedahan seperti ini yang jelas merugikan perkhidmatan kesihatan negara kita. Pendedahan 'Doktor Kecewa' ini perlu dipandang serius oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana apa yang diluahkan itu cukup mengecewakan dan mengundang pelbagai spekulasi di kalangan rakyat di mana keadaan itu tidak sepatutnya berlaku. Ini menunjukkan seolah-olah kita gagal untuk menjaga dan mengiktiraf para doktor kita dengan memberikan tanggungjawab yang sewajarnya mengikut kelayakan dan kedudukan masing-masing. Ini juga membuktikan bahawa masih ramai yang tidak melakukan tugas yang sebenarnya atau tugas hakiki mereka sebagai doktor apatah lagi pada gred yang tinggi seperti UD54. Adalah cukup merugikan apabila seorang doktor gred UD54 masih menjalankan tugas gred UD44, sengaja dimarahi di hadapan pesakit/kakitangan lain hanya kerana kesalahan kecil dan dilabel dan dipanggil 'Pegawai Perubatan Kronik' seperti yang diluahkan oleh 'Doktor Kecewa' tersebut.

Dan apa yang lebih mendukacitakan ialah, jika pendedahan ini benar-benar berlaku ialah apabila beliau mengatakan beliau tidak keseorangan dalam hal ini iaitu masih ramai lagi doktor yang senasib dengan beliau di mana kesulitan mereka tidak diambil peduli oleh sesiapa pun hanya kerana mereka bukan doktor pakar. Suara mereka dikatakan tidak didengar, bahkan mereka dipandang sinis. Bukankah ini satu tuduhan yang cukup serius jika ianya benar-benar berlaku? Apakah kita perlu menganggap ini hanya sebagai satu kes yang terpencil semata-mata? atau mungkinkah akan ada lebih ramai lagi doktor yang bakal tampil membuat pendedahan seperti ini? Kita akui mutakhir ini KKM telah mengambil pelbagai langkah proaktif dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang efektif kepada rakyat termasuklah urusan kenaikan pangkat para doktor berdasarkan tahun perkhidmatan. Inisiatif KKM ini wajar diiktiraf dan dipuji.

Namun, adalah merugikan apabila seorang doktor yang telah menikmati kenaikan pangkat terbabit lebih-lebih lagi apabila berada dalam gred tinggi seperti UD54 tidak diberikan tugas dan tanggungjawab yang setimpal dan sewajarnya dengan gred tersebut. Justeru, demi menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih efisien dan mantap kepada rakyat, kita berharap KKM akan melihat secara menyeluruh situasi ini. Kita percaya akibat daripada sistem kenaikan pangkat yang baharu ini ramai doktor dapat menikmati kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi. Maka golongan profesional yang berada dalam gred tinggi ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya dalam kedua-dua aspek iaitu pentadbiran dan juga dalam urusan pemberian perawatan. Barulah ia memberikan nilai kepada wang (value for money) seperti yang dihasratkan oleh Perdana Menteri.



28 Jun 2011 (Selasa)

Proses ambil alih Mardec selesai akhir tahun

KUALA LUMPUR 28 Jun - Tradewinds (M) Bhd., (Tradewinds) menjangka proses pengambilan alih Mardec Bhd. (Mardec) bernilai RM150 juta selesai penghujung tahun ini. Pengerusi Tradewind (M) Bhd., Datuk Wira Syed Abdul Jabbar Syed Hassan berkata, urusan pengambilan alih itu berjalan lancar dan hanya tinggal beberapa perkara kecil sahaja yang belum diselesaikan. "Perbincangan telah diadakan dengan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan kita hanya menunggu kelulusan mereka. "Ini merupakan salah satu pelan jangka panjang kumpulan untuk membina sebuah bandar perdagangan getah bersepadu di Padang Terap, Kedah," katanya selepas Mesyuarat Agung Tahunan Tradewinds, di sini hari ini. Mardec yang dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Getah Malaysia dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan. Syed Abdul Jabbar juga berkata, Tradewinds akan mempelbagaikan aktiviti perladangan di tanah seluas 11,404 hektar yang diperolehi daripada pengambilan alih itu dan 5,670 hektar daripadanya akan digunakan untuk tanaman getah. Sebagai sebuah kumpulan, beliau berkata Tradewinds yakin dapat mencatatkan keuntungan yang lebih baik tahun ini.

Dalam perkembangan lain, Tradewinds akan membina tiga buah kilang minyak kelapa sawit baru dengan satu daripadanya akan siap menjelang akhir tahun ini. Manakala baki dua lagi dijangka siap menjelang tahun depan dan tahun 2013. Turut dalam rancangan pembinaan ialah dua buah gudang gula baru bagi tujuan penyimpanan bahan komoditi tersebut yang dijangka siap menjelang suku keempat tahun ini. Dalam mesyuarat agung tahunan itu, Tradewinds mengumumkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM806.6 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember lalu berbanding RM349.2 juta pada tahun 2009. Kumpulan tersebut turut merekodkan perolehan sebanyak RM5.6 bilion bagi tempoh yang sama berbanding RM2.1 bilion pada tahun 2009. Peningkatan terbesar itu disumbangkan oleh kemasukan sepenuhnya buat kali pertama penyata kewangan Padiberas Nasional Bhd. (Bernas) bagi tahun 2010.

26,000 liter diesel subsidi dirampas

Alwi Abdul Hamid (depan) melihat lori tangki yang telah diubah suai untuk memindahkan 26,000 liter diesel bersubsidi di Kuantan, kelmarin.

KUANTAN 28 Jun - Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan negeri mematahkan cubaan dua pemandu lori tangki untuk memindahkan 26,000 liter dipercayai diesel subsidi bernilai RM46,800 berhampiran bulatan Indera Mahkota 14, di sini, semalam. Dalam kejadian pukul 1.30 petang itu, kedua-dua lelaki berusia lingkungan 30-an ditahan ketika sedang memindahkan diesel dari sebuah lori tangki ke dalam sebuah lori tangki yang lebih kecil. Timbalan Pengarah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (Ketua Pegawai Penguatkuasaan) negeri, Alwi Abdul Hamid berkata, semasa kejadian, dua pegawai penguat kuasa itu kebetulan melalui lokasi terbabit. "Hasil pemeriksaan, sebanyak 10,000 liter diesel sudah dipindahkan ke dalam lori tangki itu dengan menggunakan hos paip.

"Baki minyak diesel pada lori asal itu masih berisi 16,000 liter menjadikan jumlah rampasan sebanyak 26,000 liter," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini, semalam. Menurut Alwi, siasatan awal mendapati lori tangki yang melakukan pemindahan itu datang dari Seremban, Negeri Sembilan sebelum mengambil diesel di Tanjung Gemuk, Rompin, untuk dijual bagi kegunaan industri di sekitar negeri ini. Kata beliau, kedua-dua suspek direman tujuh hari untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh dikenakan denda RM100,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-dua sekali bagi orang perseorangan. "Bagi syarikat, denda RM200,000 jika sabit kesalahan di mahkamah," katanya. Setakat ini tambah beliau, pihaknya berjaya merampas sebanyak 133,000 liter diesel subsidi bernilai RM239,509.80.

Cawangan UiTM di Lipis**Oleh HARIS FADILAH AHMAD utusanpahang@utusan.com.my**

KUALA LIPIS 28 Jun - Kerajaan Pahang merancang pembinaan sebuah kampus cawangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini tidak lama lagi dalam usaha merancang pembangunan modal insan di kalangan pelajar luar bandar. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Tengku, Datuk Abdul Rahman Mohamad berkata, projek berkenaan bakal direalisasikan di tapak seluas 480 hektar di Bukit Sarang berdekatan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di Jalan Kuala Lipis-Merapoh, di sini. Beliau berkata, kerajaan negeri berusaha menjadikan daerah ini sebagai pusat ilmu di Pahang Barat terutama peluang untuk pelajar luar bandar termasuk Orang Asli menimba pengetahuan dan kemahiran bagi melahirkan lebih ramai tenaga profesional pada masa akan datang. "Jika kampus cawangan UiTM ini direalisasikan, ia bakal menempatkan sebuah fakulti seramai 700 penuntut dan pensyarah termasuk pihak pengurusan institusi berkenaan. "Peluang pekerjaan juga dapat diraih oleh penduduk tempatan," katanya pada majlis perasmian Persidangan UMNO Bahagian Lipis yang dirasmikan oleh Pengerusi Tetap UMNO, Datuk Paduka Badruddin Amiruldin, di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Lipis, Datuk Dr. Mohamad Shahrom Osman, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Benta, Datuk Ir. Mohd. Soffi Abdul Razak, Timbalan Ketua UMNO Lipis, Datuk Suhaimi Ibrahim dan Ketua Pemuda UMNO Pahang, Abu Jimi Samat. Abdul Rahman yang juga Ketua UMNO Bahagian Lipis berkata, selain menyumbang peluang pekerjaan, projek berkenaan dijangka menjana pendapatan penduduk tempatan menerusi pemborong makanan, kontraktor kecil penyelenggaraan dalaman dan pengurusan lain. "Kampus cawangan UiTM merupakan lonjakan pembangunan selaras dengan aspirasi untuk memajukan kawasan luar bandar sebagai pusat pertumbuhan baharu berasaskan pendidikan dan ekonomi," ujarinya. Katanya, daerah Lipis kini membangun sebagai pusat ilmu di Pahang Barat kerana kedudukannya agak strategik disokong dengan kemudahan perhubungan jalan raya antara Lembah Klang dengan Kelantan. "Lipis kini mempunyai Institut Perguruan Tengku Ampuan Afzan (IPGTAA) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) yang menempatkan ramai penuntut luar bandar," katanya.

UUM tambah 14 pusat pengajian

KUBANG PASU 28 Jun - Universiti Utara Malaysia (UUM) menambah 14 pusat pengajian baru di tiga kolej universiti berkenaan bagi memantapkan penstrukturannya untuk menjadi universiti penyelidikan menjelang 2013. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Rosna Awang Hashim berkata, tiga kolej terlibat ialah UUM College of Arts and Sciences (UUM CAS), UUM College of Business (UUM COB) dan UUM College of Law, Government and International Studies (UUM COLGIS). Menurutnya, penambahan pusat pengajian itu akan memudahkan urusan akademik dan pentadbiran universiti kerana setiap pusat pengajian mempunyai dekan, ketua jabatan dan kumpulan pentadbir sendiri.

"Pusat pengajian baru ini akan membantu menguatkan lagi struktur pengurusan kolej di universiti ini yang sedia ada serta dapat menjadi pemangkin kepada usaha menjayakan hasrat menjadikan UUM sebagai universiti pengurusan terkemuka," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini. Rosna berkata, UUM sudah membentangkan struktur kolej yang baru dengan penambahan 14 pusat pengajian pada 23 Jun lalu untuk mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi sebelum melaksanakan penambahbaikan kepada sistem kolej sedia ada. "Penstrukturan kolej yang baru ini juga telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pendidikan Tinggi, kementerian dan Lembaga Pengurusan Universiti," katanya lagi. Beliau berkata, kementerian juga bersetuju dan menyokong pelaksanaan penstrukturan itu kerana ia tidak akan melibatkan pertambahan kos dan kakitangan kerana menggunakan ruang dan kemudahan yang sedia ada.

Katanya, antara 14 pusat pengajian itu ialah Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Pusat Pengajian Pengkomputeran, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi serta Pusat Pengajian Pembangunan Sosial untuk UUM CAS. Selain itu kata Rosna, bagi UUM COB pula adalah Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Pusat Pengajian Perakaunan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik dan Ekonomi serta Pusat Pengajian Kewangan dan Perbankan. Tambahnya, pusat pengajian baru di UUM COLGIS pula adalah Pusat Pengajian Kerajaan, Pusat Pengajian Antarabangsa, Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Pusat Pengajian Hospitaliti dan Alam Sekitar dan Pusat Pengajian Undang-undang.



29 Jun 2011 (Rabu)

Parlimen - 177,077 wang tak dapat dikesan

KUALA LUMPUR 29 Jun – Sebanyak 177,077 wang kertas RM500 dan RM1,000 yang bernilai RM101 juta masih tidak dapat dikesan daripada pasaran sehingga 30 Januari lalu. Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin berkata, daripada jumlah itu, 150,259 keping atau 92.4 peratus adalah wang kertas RM500 yang bernilai RM75 juta, manakala 26,818 keping atau 99.4 peratus ialah wang kertas RM1,000 bernilai RM26 juta. "Wang kertas ini (RM500 dan RM1,000) ini telah dinyahlakukan berkuat kuasa 1 Julai 1999, maknanya selepas daripada tarikh itu wang kertas tersebut tidak lagi bernilai. Tiada juga cetakan dibuat sejak tahun berkenaan. "Jadi, tidak ada sesiapa yang boleh membawa beg-beg yang mengandungi wang kertas RM500 dan RM1,000 itu untuk ditukarkan di Bank Negara kerana tempoh laku wang itu sudah tamat," katanya menggulung Rang Undang-Undang Perkhidmatan Wang 2011 pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab persoalan Datuk Idris Haron (BN-Tangga Batu) yang ingin tahu berapa wang kertas RM500 dan RM1,000 yang masih terapung di pasaran serta tidak dapat diimbangkan dengan jumlah cetakan. Sementara itu, Awang Adek berkata, sejak 2002, sebanyak 93 kes telah dituduh di mahkamah di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLA) melibatkan jumlah sebanyak RM2.34 bilion. "Daripada jumlah itu, 18 kes telah disabitkan, 17 daripada membabitkan hukuman penjara, manakala sejumlah RM55.4 juta sudah dilucutkan haknya," katanya menjawab soalan Yusmadi Yusof (PKR-Balik Pulau) mengenai berapa kes pengubahan wang haram berjaya diselesaikan.

PPAT diiktiraf MPC

Nor Akmal Abdul Fatah menunjukkan pengiktirafan Persekitaran Berkualiti 5S yang diterima di Kuala Terengganu, kelmarin.

KUALA TERENGGANU 29 Jun - Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) berjaya mendapat pengiktirafan Persekitaran Berkualiti 5S daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Di samping itu, empat daripada enam perpustakaan awam daerah iaitu Besut, Kemaman, Marang dan Hulu Terengganu turut memperoleh pengiktirafan yang sama. Penilaian tersebut adalah berasaskan kepada lima aspek iaitu Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal. Pengarah PPAT, Nor Akmal Abdul Fatah berkata, pengiktirafan tersebut amat bermakna buat institusi itu yang berusaha keras sejak kira-kira setahun lalu bagi menerap budaya kerja 5S secara menyeluruh di kalangan kakitangannya. "Kami bersyukur kerana hasil usaha selama ini membuahkan hasil apabila mendapat anugerah berkenaan dan amalan tersebut akan dijadikan sebagai budaya kerja PPAT," ujarinya.

Beliau menyatakan demikian ketika ditemui di majlis penutup Anugerah Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif dan Amalan Persekitaran Berkualiti Wilayah Pantai Timur di sini, semalam. Penyampaian disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi dan Sumber Manusia negeri, Ahmad Razif Abdul Rahman. Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah MPC, Ahmad Fadzil Mahmud. Konvensyen berkenaan disertai oleh 52 kumpulan dari 27 organisasi dengan lebih 700 peserta dan pemerhati dari Terengganu, Kelantan dan Pahang. Manakala, 10 organisasi terlibat dalam Konvensyen Persekitaran Berkualiti. Organisasi lain yang turut memperoleh pengiktirafan sama termasuklah Petronas Penapisan Terengganu Sdn. Bhd., Hospital Universiti Sains Malaysia, Kelantan, Politeknik Kota Bharu, Majlis Perbandaran Kuantan dan Universiti Teknologi Mara Kelantan. Sementara itu, Ahmad Fadzil dalam ucapannya berkata, program itu mampu menggalakkan syarikat dan agensi kerajaan menjadi lebih berkesan dalam menghasilkan produk bermutu tinggi dan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. "Amalan 5S adalah satu konsep untuk mewujudkan persekitaran berkualiti secara sistematik dan praktikal. "Melalui amalan ini tempat kerja menjadi lebih teratur dan selesa sepanjang masa seterusnya kerja akan menjadi lebih produktif, cekap, selamat dan menjimatkan kos," ujarinya.

Ekonomi - MIDF lulus pembiayaan RM10.6b

Para pengguna meneliti sebahagian produk IKS yang ditawarkan di pasar raya besar di Malaysia

KUALA LUMPUR 29 Jun - Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merupakan penyumbang besar kepada ekonomi Malaysia. Sebanyak 99.2 peratus daripada perniagaan di Malaysia adalah PKS yang mana enam daripada setiap 10 pekerja bekerja di dalamnya. Malah, PKS menyumbang sebanyak 31.2 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Oleh itu, PKS berperanan penting dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi dan berasaskan pengetahuan seperti mana disasarkan dalam Model Baru Ekonomi (MEB) dengan bertindak pemacu pembangunan. Pada 2010, program pertumbuhan PKS bernilai RM6.9 bilion secara keseluruhan telah dilaksanakan. PKS sentiasa digalakkan menghasilkan dan melaksanakan praktis yang inovatif dan kreatif ke dalam operasi mereka bagi menjana pertumbuhan yang berdasarkan produktiviti sekali gus meningkatkan keberkesanan untuk mengurangkan kos pengeluaran. Selain itu, pembiayaan juga adalah kritikal bagi inovasi. Malaysian Industrial Development Finance Bhd ('MIDF), sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), telah menyokong pertumbuhan dan pembangunan PKS sejak 1960 dengan menyediakan laluan pembiayaan kepada PKS dalam pengkomersialan projek dan pengembangan projek yang dikomersialkan. MIDF, setakat ini, meluluskan pembiayaan kewangan berjumlah RM10.6 bilion kepada industri perkilangan dan perkhidmatan yang berada pada produksi awal pertumbuhan dan produksi fasa matang pada peringkat pengkomersialan.

Divisyen Kewangan Pembangunan MIDF menyediakan pembiayaan kepada PKS dan syarikat-syarikat lain dengan dana yang diperuntukkan oleh kerajaan melalui program pinjaman kewangan dengan kerjasama bersama MITI, Perbadanan PKS Malaysia (SME Corp), Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE). Bantuan kewangan MIDF membolehkan PKS memperoleh aset tetap yang diperlukan untuk melaksanakan langkah-langkah inovatif dan kreatif serta memperbaiki keberkesanan, meningkatkan kemampuan dan kapasiti, mengurangkan pergantungan pada pekerja asing serta mengurangkan kos pengeluaran. Bantuan tersebut diberi menerusi beberapa program pinjaman kewangan. Di bawah program Skim Pinjaman Mudah untuk Perusahaan Kecil & Sederhana, bantuan kepada PKS bertujuan membantu dalam pembinaan mahupun pembelian premis, pembelian mesin dan peralatan dan modal kerja. Sejak pelancaran program itu pada Disember 2001 sehingga 31 Mei 2011, bantuan kewangan berjumlah lebih kurang RM1.0 bilion telah diluluskan. Di bawah program itu, pinjaman bernilai sehingga RM3 juta boleh dipohon dengan tempoh bayaran balik di antara enam dan 15 tahun. Peratus pembiayaan sehingga 90 peratus daripada kos aset tetap yang dibiayai. Program Skim Pinjaman Mudah untuk Automasi & Modernisasi menggalakkan modernisasi dan automasi proses pengeluaran untuk mengurangkan pergantungan kepada aktiviti intensif buruh asing. Sejak dilancarkan pada Februari 2007 sehingga 31 Mei 2011, sejumlah RM197 juta sudah diluluskan di bawah program tersebut. Di bawah program itu, peratusan pembiayaan adalah sehingga 85 peratus untuk mesin dan peralatan dengan jangka masa bayaran balik selama tujuh tahun termasuk tempoh tangguh selama enam bulan. Pembiayaannya termasuk perisian dan kelengkapan, kos pemasangan dan latihan.

Program Skim Pinjaman Mudah untuk Pembangunan Automotif dicipta khas untuk memenuhi keperluan usahawan dalam pembuatan komponen automotif seperti merasionalisasi operasi, mempertingkatkan kapasiti pengeluaran dan prestasi eksport. Sejak pelancarannya pada Februari 2007 sehingga 31 Mei 2011, bantuan kewangan berjumlah RM377 juta telah diluluskan di bawah program tersebut. PKS yang berdasarkan pengetahuan seperti mana ditakrifkan oleh Penubuhan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan dari segi pekerja berpendidikan tinggi dan profesional, kegunaan ICT dan inovasi serta penyelidikan dan pembangunan dalam proses perniagaan atau untuk pembaharuan produk digalakkan memohon program bantuan pinjaman kewangan MIDEF. Pembiayaan yang disediakan kepada PKS oleh MIDEF bersama-sama MITI dan agensi-agensi lain di bawah MITI serta sumbangan dari inovasi yang lahir dari minda kreatif sumber yang paling bernilai iaitu sumber manusia akan membantu mewujudkan matlamat tersebut.



30 Jun 2011 (Khamis)

Amaran kepada penjawat awam

Oleh FARABI SHEIKH SAID AL JABRI utusanN9@utusan.com.my



MOHAMAD Hasan beramah mesra dengan sebahagian pelajar cemerlang SMK Tunku Ampuan Durah di Seremban, semalam. - UTUSAN/ABD. RAZAK AID

SEREMBAN 30 Jun – Tanggung sendiri sebarang akibat dan tindakan sekiranya ada kakitangan awam di negeri ini yang menyertai perhimpunan haram anjuran pemimpin Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) 9 Julai nanti. Menteri

Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, sekiranya ada yang menyertai perhimpunan haram itu, mereka jangan pula menyalahkan pihak berkuasa dan kerajaan ketika mengambil tindakan sewajarnya. "Jadi kepada semua penjawat awam khususnya di negeri ini mesti faham bahawa ini adalah perhimpunan haram dan sekiranya mereka bersama-sama menyertainya perlu bersedia dengan sebarang risiko termasuklah tindakan tatatertib," katanya.

Mohamad berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Hari Anugerah Cemerlang Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tunku Ampuan Durah di sini, hari ini. Jelasnya, sebagai penjawat awam, mereka tidak sepatutnya untuk menyertai sebarang perhimpunan haram kerana ia jelas bertentangan dengan tugas kakitangan awam. Kata beliau, arahan untuk tidak menyertai perhimpunan haram itu sudah jelas dan telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa termasuklah dari Polis Diraja Malaysia (PDRM). "Tidak ada sesiapa yang berkecuali apatah lagi untuk golongan yang tertentu. Selagi mereka berkhidmat kepada kerajaan, semua kakitangan awam adalah tertakluk kepada akujanji. "Kita yakin semua jabatan, agensi telah dimaklumkan mengenainya dan tindakan sewajarnya akan diambil kepada mereka yang menyertai perhimpunan haram itu," kata beliau.

8,196 kakitangan awam tidak hadir bertugas dikenakan hukuman

MELAKA 30 Jun - Sebanyak 8,196 kes kakitangan awam yang tidak hadir bertugas tanpa mengemukakan borang cuti, mendapatkan kebenaran atau memberi sebab munasabah dikesan berlaku sejak dua tahun lalu. Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, kes tidak hadir bertugas tanpa cuti, menyumbang sebanyak 40 peratus daripada kesalahan tatatertib bagi kakitangan awam. Ekoran kesalahan tersebut, tegas beliau, mereka telah dikenakan hukuman lucut hak emolumen, buang kerja, denda dan amaran. "Kesalahan tatatertib dalam kalangan penjawat awam (kakitangan awam) di negeri ini adalah serius khususnya kes tidak hadir tanpa cuti. "Bagaimanapun, mereka yang terbabit telah dikenakan tindakan sewajarnya mengikut peraturan yang telah ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan sempena Kursus Perintah Awam Penjawat Awam 2011 di Dewan Konvensyen Universiti Teknologi Malaysia Melaka (UTeM), Jalan Hang Tuah di sini, hari ini. Mohd. Ali berkata, kesalahan disiplin yang dilakukan oleh kakitangan awam telah menyebabkan tindakan terpaksa diambil terhadap mereka bagi mengelakkan ia menjejaskan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Beliau turut mengingatkan kakitangan awam agar tidak melakukan kesalahan disiplin sewaktu bertugas kerana pihaknya tidak akan berkompromi berkaitan perkara tersebut. "Saya harap jangan ada antara kita yang melanggar amanah dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kerana penjawat awam menjadi duta kecil kepada kerajaan," ujarnya. Dalam pada itu, beliau turut mengakui masih ada sesetengah kakitangan awam masih mengamalkan budaya lepak di kedai-kedai kopi atau restoran di waktu bertugas. Ujarnya, budaya tersebut jika terus diamalkan boleh menimbulkan persepsi buruk masyarakat terhadap kerajaan.

Percepat bina kampus UiTM

UMUM telah mengetahui sebuah kampus cawangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) bakal dibina di Bagan Datoh, Perak. Namun sejak pengumuman penubuhannya beberapa waktu dahulu, sehingga kini masih belum nampak tanda-tanda pembinaan kampus cawangan UiTM itu akan dimulakan. Walaupun saya difahamkan kawasannya sudah dikenal pasti tetapi kerja pembinaan masih belum bermula. Kami penduduk di Bagan Datoh sangat mengalu-alukan pembinaan cawangan UiTM ini, bukan sahaja sebagai wadah anak bumiputra mendapatkan pendidikan tinggi, tetapi juga sebagai mercu tanda baru di Bagan Datoh. Kehadiran UiTM, selain Sekolah Sains yang sudah wujud, akan menyemarakkan lagi pekan Bagan Datoh yang sepi. Justeru kami amat berharap pembinaannya akan segera dilaksanakan.

WAK SAMIN Bagan Datoh, Perak.